



Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



Laporan Tahunan 2008




**Ulang Tahun Ke-60
Mesra Membantu Memuaskan**



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Laporan Tahunan 2008



© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Peti Surat 11833, 50758 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia

ISSN 1675 - 1612

Dicetak oleh:
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Jalan Chan Sow Lin
50554 Kuala Lumpur

KANDUNGAN

BUDAYA LHDNM	6
TADBIR URUS LHDNM	9
PERUTUSAN Pengerusi	11
Anggota Lembaga	13
SEKAPUR SIRIH	14
PENGURUSAN ATASAN	16
CARTA ORGANISASI	17
KECEMERLANGAN 60 TAHUN	18
PRESTASI HASIL	21
OPERASI	23
• Titian Kecemerlangan LHDNM Sepanjang 60 Tahun	23
• Prestasi Kutipan Hasil	24
• Pembayaran Balik	27
• Kaedah Pemungutan Cukai	28
• Perkhidmatan Pelanggan	32
• Hak Pembayar Cukai	40
• Pematuhan Cukai, Pencegahan, dan Penguatkuasaan	41
• Ejen Pemungutan PTPTN	46
JARINGAN ANTARABANGSA	47
• Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali	47
• Jalanan dan Jaringan Kerja Antarabangsa	47
PEMBANGUNAN MODAL INSAN	51
ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN	55
PROGRAM KUALITI DAN PENCAPAIAN	57
PANDANGAN PELANGGAN	59
ANALISIS PENILAIAN PENCAPAIAN PRESTASI 2008 BERDASARKAN PROGRAM UTAMA	63
PERANCANGAN MASA HADAPAN	69
DIARI HASIL	73
PENYATA KEWANGAN	79
LAMPIRAN	109

BUDAYA LHDNM

Budaya LHDNM dibentuk untuk menentukan hala tuju organisasi serta menerapkan budaya organisasi ini di kalangan pegawai LHDNM. Budaya ini merupakan elemen yang penting dalam melaksanakan setiap fungsi dan tanggungjawab supaya lebih fokus dan cekap.

Wawasan

LHDNM sebagai pentadbir percukaian bertaraf dunia

Misi

Memberikan perkhidmatan percukaian yang berkualiti untuk meningkatkan hasil negara

Matlamat

Mewujudkan dan melaksanakan satu sistem pengurusan percukaian yang berkesan, adil, dan saksama

Dasar Kualiti

Kami komited memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan berteraskan cogan LHDNM "Mesra, Membantu, Memuaskan"

Fungsi

Fungsi LHDNM:

- a. Bertindak sebagai ejen Kerajaan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan, dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pusaka, duti setem, dan cukai lain yang dipersetujui antara Kerajaan dan Lembaga.
- b. Menasihati Kerajaan tentang perkara-perkara berhubung dengan percukaian dan bekerjasama dengan Kementerian dan badan berkanun berkaitan perkara-perkara tersebut.
- c. Menyertai mesyuarat, perbincangan, dan perjanjian tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan percukaian di dalam atau di luar negara.
- d. Menjadi ejen pemungutan untuk dan bagi pihak mana-mana badan untuk mendapatkan pinjaman yang kena dibayar balik kepada badan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis.
- e. Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada LHDNM oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.

Tanggungjawab

LHDNM bertanggungjawab mentadbir undang-undang berikut:

- a. Akta Cukai Pendapatan 1967,
- b. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967,
- c. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976,
- d. Akta Setem 1949,
- e. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990, dan
- f. Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

LHDNM perlu mematuhi semua Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) yang ditandatangani oleh kerajaan Malaysia dengan kerajaan negara-negara luar. Selain itu, LHDNM juga perlu mematuhi semua perundangan yang ada kaitan dengan pentadbiran LHDNM:

- a. Perlembagaan Persekutuan 1957,
- b. Akta Tafsiran 1948 dan 1967,
- c. Akta Had Masa 1953,
- d. Akta Mahkamah Kehakiman 1964,
- e. Akta Syarikat 1965,
- f. Akta Kebankrapan 1967,
- g. Kanun Tanah Negara 1965,
- h. Kanun Acara Jenayah (Akta 593),
- i. Kanun Keseksaan (Akta 574),
- j. Kaedah-kaedah Penggulangan Syarikat 1965,

- k. Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, dan
- l. Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980.

Di samping itu, LHDNM masih lagi mentadbir beberapa perundangan yang telah dimansuhkan bagi menyelesaikan kes-kes tahun kebelakangan:

- a. Enakmen Duti Harta Pusaka 1941, dan
- b. Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984.

Anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

LHDNM adalah dikawal selia oleh Anggota Lembaga yang terdiri daripada:

- a. Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang juga merangkap Pengerusi LHDNM.
- b. Peguam Negara atau wakilnya.
- c. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya.
- d. Dua orang lain mewakili Kerajaan yang dilantik oleh Menteri Kewangan.
- e. Dua orang lain yang dilantik oleh Menteri Kewangan dari sektor swasta.

Anggota Lembaga telah bermesyuarat sebanyak sembilan kali dalam tahun 2008.

Alamat Rasmi

Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tingkat 15, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Duta, Peti Surat 11833
50758 Kuala Lumpur

Telefon : 03-6209 1000
Faks : 03-6201 3798
Laman Web : www.hasil.gov.my

TADBIR URUS LHDNM



PERUTUSAN PENERUSI



Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah

Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia

Merangkap Pengerusi

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Bagi pihak Anggota Lembaga, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.


Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) berjaya mencipta rekod cemerlang dalam mengutip cukai langsung negara pada tahun 2008 dengan kutipan cukai kasar berjumlah RM90.651 bilion. Jumlah kutipan kasar keseluruhan tahun 2008 meningkat sebanyak RM15.948 bilion atau peningkatan sebanyak 21.35% berbanding kutipan keseluruhan tahun 2007 berjumlah RM74.703 bilion. LHDNM juga telah berjaya menyelesaikan bayaran balik sebanyak 558,951 bilangan kes pada tahun 2008 berbanding 400,360 bilangan kes yang diselesaikan pada tahun 2007. Susulan peningkatan kes bayaran balik yang diselesaikan pada tahun 2008, jumlah bayaran balik juga meningkat sebanyak RM8.560 bilion dalam tahun 2008 berbanding RM5.394 bilion dalam tahun 2007.

Pencapaian cemerlang prestasi LHDNM tahun 2008 adalah gabungan faktor kejayaan berlandaskan pelaksanaan strategi yang memberi fokus kepada penambahbaikan dalam pentadbiran cukai, pembangunan modal insan LHDNM yang berteraskan kompetensi dan profesionalisme serta usaha berterusan untuk menjana nilai tambah dan menitikberatkan inovasi dalam melaksanakan sistem penyampaian dan pengurusan maklumat. Selain itu fokus juga bertumpu kepada peningkatan usaha dalam pengurusan dan komunikasi pelanggan, penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang yang dipertanggungjawabkan serta penghayatan nilai-nilai korporat yang positif termasuk faktor integriti dan ketelusan dalam menjalankan tanggungjawab sebagai ejen pemungut cukai langsung negara. Di samping meneroka peluang-peluang baru untuk menambah baik tahap penyampaian perkhidmatan pelanggan, LHDNM mementingkan perkongsian pengalaman dan amalan-amalan terbaik pentadbir cukai di dalam dan luar negara. Strategi-strategi yang dilaksanakan oleh LHDNM secara holistik dan rapi ternyata telah memberi kesan dari segi peningkatan kualiti perkhidmatan dan produk yang disediakan kepada masyarakat. Kejayaan LHDNM dalam tahun 2008 telah diperkukuhkan oleh tindak balas yang inovatif dan kreatif dalam mengekalkan prestasi perkhidmatan dan pencapaian kutipan hasil yang cemerlang untuk pembangunan negara.

Kejayaan prestasi 2008 LHDNM juga menggambarkan semangat tanggungjawab dan kerjasama pembayar cukai. Pembayar cukai telah memainkan peranan penting dalam membantu usaha LHDNM mengukuhkan pelaksanaan sistem percukaian supaya lebih berkesan dan menggalakkan kesedaran bagi pematuhan cukai secara sukarela. Tanggungjawab ini dilihat dari segi peranan masing-masing dalam pembangunan negara yang melibatkan sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan, sektor awam sebagai pemudah cara dan pengawal selia, manakala masyarakat sivil dan pihak lain sebagai rakan kongsi dalam pembangunan. Wujudnya komitmen yang tinggi oleh setiap pihak berkepentingan dalam rangkaian sistem percukaian ini adalah gandingan yang perlu diperkukuhkan demi kesinambungan inisiatif menjana hasil kutipan cukai langsung ke arah menjamin kesejahteraan rakyat.

Peranan dan kerjasama semua pihak masih diperlukan agar lebih bersedia untuk menghadapi cabaran ketidakstabilan senario ekonomi dan perubahan persekitaran global yang akan memberi kesan sama ada secara langsung atau sebaliknya kepada usaha meningkatkan hasil kutipan cukai langsung pada masa akan datang. Oleh itu, keadaan ekonomi yang tidak stabil dijangka akan menjadi antara cabaran hebat kepada usaha LHDNM dalam mengekalkan prestasi kutipan cemerlang pada tahun 2009. Sebagai langkah proaktif menghadapi cabaran ini, LHDNM merangka empat teras strategik untuk memantapkan pelaksanaan aktiviti teras yang dirancang untuk tahun 2009. Strategi ini melibatkan langkah memantapkan keupayaan organisasi dengan memberi fokus kepada kecemerlangan operasi/perkhidmatan, memperluaskan asas cukai, mengurangkan jurang cukai serta meningkatkan pemungutan cukai langsung. Aktiviti di bawah strategi ini akan dilaksanakan melalui pembelajaran dan pembangunan yang menekankan pembangunan modal insan yang kompeten, penambahbaikan proses dalaman berhubung sistem penyampaian perkhidmatan, serta inovasi berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi, peningkatan kualiti perkhidmatan pelanggan serta penganjuran program pendidikan cukai secara meluas, dan pengurusan kewangan untuk memantapkan peningkatan hasil cukai di bawah aktiviti seperti pemungutan cukai, penguatkuasaan undang-undang, serta pemantauan tahap pematuhan cukai.

Di kesempatan ini saya merakamkan syabas dan terima kasih atas kerjasama pembayar cukai dan pelanggan serta semua anggota masyarakat cukai khususnya dan rakyat amnya yang telah sama-sama menjayakan agenda pencapaian cemerlang prestasi kutipan hasil 2008. Bagi pihak Anggota Lembaga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan dan warga LHDNM atas komitmen, dedikasi dan kerjasama yang berterusan. Penghargaan juga diucapkan kepada semua Anggota Lembaga atas sumbangan idea, masa, dan tenaga mereka untuk memantapkan organisasi dan memastikan segala perancangan serta pelaksanaan dasar diberi keutamaan. Saya berharap semua warga LHDNM akan terus meningkatkan perkhidmatan yang mesra, membantu, dan memuaskan ke tahap yang lebih tinggi agar LHDNM menjadi sebuah organisasi yang dihormati dan disegani oleh semua lapisan masyarakat.



TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH

ANGGOTA LEMBAGA



Tengah

Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Perbendaharaan Malaysia
Merangkap Pengerusi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Berdiri dari kiri ke kanan

Datuk Wira Haji Ahmad Rusli bin Joharie (Konsultan Swasta)

Datuk Nor Bee binti Ariffin (Penggubal Undang-Undang Parlimen, Bahagian Gubalan,
Jabatan Peguam Negara)

Dato' Mohd Salleh bin Mahmud (Akauntan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia)

Tan Sri Ismail bin Adam (Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia)

Datuk Aziyah binti Bahauddin (Setiausaha Bahagian Analisa Cukai, Perbendaharaan Malaysia)

Dato' Sivalingam a/l Selvadurai (Konsultan Swasta)

SEKAPUR SIRIH



Dato' Hasmah binti Abdullah

Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua
Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Strategi

Sebagai ejen pemungut cukai langsung negara, LHDNM adalah komited terhadap saranan dan komitmen Kerajaan untuk meningkat sistem penyampaian perkhidmatan seluruh Perkhidmatan Awam Malaysia. Oleh itu, strategi program dan aktiviti LHDNM tahun 2008 telah dirancang, dilaksana, serta dipantau untuk memastikan prestasi penyampaian adalah berkualiti dan berkesan. Susulan keadaan ekonomi dunia yang tidak stabil, LHDNM juga melaksanakan dasar perbelanjaan berhemat menerusi semakan dan kajian semula aktiviti-aktiviti LHDNM bagi penjimatan perbelanjaan 2008 tanpa menjejaskan aktiviti-aktiviti teras LHDNM yang menjurus kepada peningkatan hasil.

Penanda Aras

Untuk melicinkan proses pentadbiran percukaian, pendekatan menerusi inovasi teknologi komunikasi dan maklumat telah dimanfaatkan. Sebagai contoh, perkhidmatan elektronik LHDNM seperti e-Filing dan e-Bayaran telah ditambah baik untuk memudahkan urusan percukaian pembayar cukai. Penekanan kepada strategi ini telah menunjukkan pencapaian prestasi tahun 2008 mengatasi pencapaian tahun 2007. Penanda aras kejayaan pencapaian prestasi 2008 adalah dinilai pada tahap pencapaian sasaran kutipan cukai, kecekapan pungutan cukai, peningkatan penyelesaian kes bayaran balik, kualiti perkhidmatan pelanggan, serta pembesaran asas cukai.

Sasaran Kutipan Cukai

Pencapaian sasaran kutipan cukai 2008 telah menunjukkan kejayaan yang ketara. Secara keseluruhan jumlah hasil cukai langsung 2008 mencatatkan rekod tertinggi dalam sejarah kutipan LHDNM. Prestasi cemerlang 2008 juga menunjukkan tahap kejayaan organisasi dalam melaksanakan program dan aktiviti bagi meningkatkan kutipan cukai

keseluruhannya. Dalam tahun 2008, LHDNM berjaya mengutip cukai langsung kasar sebanyak RM90.651 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM15.948 bilion atau 21.35% berbanding RM74.703 bilion yang dikutip dalam tahun 2007. Kutipan bersih LHDNM adalah sejumlah RM82.091 bilion selepas ditolak Tabung Bayaran Balik Cukai (TBBC) dan jumlah ini melepasi sasaran bersih disemak Kerajaan sejumlah RM77.579 bilion sebanyak 5.82%.

Prestasi kutipan setiap komponen cukai langsung dalam tahun 2008 meningkat dengan ketara berbanding tahun 2007. Kutipan cukai langsung ini telah menyumbang sebanyak 56.11% daripada keseluruhan jumlah hasil Kerajaan Persekutuan tahun 2008 yang berjumlah RM161.558 bilion. Komponen cukai pendapatan syarikat kekal sebagai penyumbang utama dengan pungutan RM46.902 bilion (51.74%). Ini diikuti dengan pungutan cukai pendapatan petroleum sebanyak RM24.191 bilion (26.69%) dan cukai pendapatan individu sebanyak RM14.347 bilion (15.83%). Sementara itu pungutan cukai duti setem dan cukai pegangan masing-masing menyumbang sejumlah RM3.502 bilion (3.86%) dan RM1.354 bilion (1.49%).

Pungutan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dalam tahun 2008 ialah sebanyak RM110.37 juta (0.12%) dan jumlah ini mencatatkan pengurangan berbanding kutipan tahun 2007. Pengurangan kutipan ini adalah disebabkan dasar Kerajaan mengecualikan sepenuhnya CKHT mulai 1 April 2007 ke atas pelupusan harta tanah yang dilakukan selepas tarikh tersebut. Walau bagaimanapun LHDNM masih lagi melaksanakan taksiran, pungutan dan penguatkuasaan CKHT ke atas kes-kes pelupusan sebelum 1 April 2007. Komponen-komponen pungutan yang lain merupakan cukai pendapatan koperasi, cukai aktiviti perniagaan luar pesisir Labuan (IOFC), dan hasil-hasil lain (bayaran kompaun [Seksyen 124 ACP 1967], bayaran mahkamah, faedah daripada baki wang dalam bank, hasil guaman, dan ganti rugi perkhidmatan) yang mencatatkan pungutan berjumlah RM244.24 juta (0.27%).

Kecekapan Pengurusan Cukai

Prestasi peningkatan dalam kecekapan pengurusan cukai amat memberangsangkan pada tahun 2008. LHDNM merekodkan kos pengurusan sebanyak RM1.170 bagi memungut setiap RM100 cukai berbanding RM1.198 dalam tahun 2007. Nisbah kos pengurusan yang bertambah baik ini menunjukkan keberkesanan pengurusan undang-undang cukai walaupun berhadapan dengan krisis ekonomi global yang tidak menentu.

Bayaran Balik Cukai

Dalam tahun 2008, kejayaan prestasi LHDNM juga dilihat melalui peningkatan penyelesaian bayaran balik cukai kepada pembayar cukai untuk tahun semasa di samping menyelesaikan baki tuntutan bayaran balik tahun kebelakangan. Di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS), aktiviti bayaran balik menjadi antara aktiviti utama LHDNM kerana prestasi bayaran balik cukai mengikut tempoh yang ditetapkan menjadi salah satu daripada piawaian penyampaian perkhidmatan tahunan. LHDNM telah berjaya menyelesaikan bayaran balik sebanyak 558,951 kes berbanding 400,360 kes untuk tahun 2007. Peningkatan kualiti perkhidmatan ini merupakan salah satu kejayaan penambahbaikan dalam sistem penyampaian perkhidmatan LHDNM kepada orang awam.

Perkhidmatan Pelanggan

Bagi memastikan kutipan hasil adalah selaras dengan potensi sebenar pertumbuhan ekonomi negara, langkah penguatkuasaan, pematuhan, pemungutan, perkhidmatan pelanggan, dan pendidikan secara bersepadu terus dilaksanakan. Usaha pemantauan dan penguatkuasaan ini adalah bagi meningkatkan tahap pematuhan pembayar cukai secara berterusan yang akan menghasilkan impak dalam kutipan hasil tahun semasa dan tahun-tahun berikutnya. Impak segera yang dapat dilihat daripada pelaksanaan seluruh program dan aktiviti tersebut adalah pembesaran pada asas cukai negara menerusi peningkatan dalam jumlah bilangan pembayar cukai berdaftar. Kemasukan pembayar cukai baru akan menyumbang kepada peningkatan berterusan hasil cukai langsung negara.

Kejayaan sesuatu sistem percukaian adalah bergantung kepada kerjasama antara pihak pembayar cukai dan LHDNM. Ini akan menyumbang kepada peningkatan tahap pematuhan cukai secara sukarela di kalangan masyarakat. Oleh itu, LHDNM sentiasa melakukan inovasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggannya. Pendekatan ini adalah untuk memudahkan mereka mendapat perkhidmatan yang lebih pantas dan efisien. Untuk

tahun 2008, usaha penambahbaikan perkhidmatan LHDNM telah dilaksanakan dalam pelbagai dimensi. Antara usaha ini adalah seperti penambahbaikan sistem e-Filing, peningkatan sistem bayaran, pertambahan bilangan Pusat Khidmat Hasil dan sebagainya. Selain meningkatkan kualiti perkhidmatan Pusat Khidmat Pelanggan (PKP) sedia ada di Pusat Pemprosesan, Pandan Indah, Kuala Lumpur, LHDNM turut melancarkan sebuah PKP baru di Kuching pada tahun 2008. PKP telah berfungsi sebagai saluran komunikasi dan seterusnya merealisasikan konsep 'Satu Perkhidmatan, Satu Penyampaian, Satu Panggilan' untuk kemudahan pembayar cukai dan orang awam.

Perancangan Masa Hadapan

LHDNM akan meneruskan perancangan dan pelan tindakan organisasi selaras dengan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Setiap tindakan dan aktiviti yang dirancang akan diselaraskan dengan sasaran meningkatkan kutipan cukai langsung negara, kualiti perkhidmatan percukaian, dan kecekapan pentadbiran percukaian. LHDNM akan terus ke hadapan dan sentiasa bersedia untuk menghadapi cabaran dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah ditentukan di bawah setiap sasaran. Pelan tindakan ini merupakan inisiatif untuk menjadikan LHDNM sebuah pentadbir cukai bertaraf dunia, selaras dengan perkembangan global.

Penghargaan

Bagi pihak pengurusan LHDNM, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Anggota Lembaga Pengarah atas segala sokongan, nasihat dan sumbangan mereka dalam memantapkan lagi pentadbiran LHDNM. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua warga LHDNM atas komitmen, kesungguhan dan kecemerlangan yang ditunjukkan setiap tahun. Semoga warga LHDNM terus bersama saya untuk membawa LHDNM ke tahap kecemerlangan di tahun hadapan. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada semua pembayar cukai dan rakyat Malaysia yang telah melaksanakan tanggungjawab cukai mereka demi pembangunan dan kesejahteraan negara.



DATO' HASMAH BINTI ABDULLAH

PENGURUSAN ATASAN



Duduk

Dato' Hasmah binti Abdullah

Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Berdiri dari kiri ke kanan


Shahmin Ta bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah (Hal Ehwal Korporat)

Che Omar bin A. Rahaman, Timbalan Ketua Pengarah (Pematuhan)

Dato' Dr. Mohd Shukor bin Hj. Mahfar, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Dr. Siti Mariam binti Che Ayub, Timbalan Ketua Pengarah (Teknikal)

CARTA ORGANISASI



KECEMERLANGAN 60 TAHUN

Sejarah Pentadbiran Cukai Langsung Negara

Pentadbiran Cukai Secara Formal

Tahun 2008 mencatatkan detik penting di mana Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah menyambut ulang tahun ke-60 sebagai pentadbir cukai langsung negara. Pentadbiran organisasi percukaian di Malaya pada awal penubuhannya diketuai oleh seorang Pengawal Besar (Comptroller General) yang dilantik mengikut Ordinan Cukai Pendapatan 1947 untuk mentadbir kedua-dua pejabat cukai di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.



Logo Jabatan Hasil Dalam Negeri Malaysia

Pejabat Pengawal Besar

Pejabat Pengawal Besar yang ditempatkan di Bangunan Suleiman, Kuala Lumpur telah bermula dengan enam orang pegawai dalam tahun 1948 terdiri daripada Pengawal Besar, seorang Timbalan Pengawal Besar, seorang kerani am perkhidmatan, dua orang jurutrenkas dan seorang peon. Mulai tahun 1948 hingga 1958 bilangan ini telah meningkat daripada enam orang kepada 622 orang masing-masing.

Pejabat Cukai Pendapatan di London

Selain daripada Pejabat Cukai Pendapatan di Persekutuan Tanah Melayu, terdapat juga Pejabat Cukai Pendapatan di London yang menaksir dan mengutip cukai bagi pihak Persekutuan Tanah Melayu daripada individu dan syarikat yang bermastautin di United Kingdom. Pejabat ini telah wujud dari tahun 1948 hingga ke tahun 1968. Tahun 1968 adalah tahun terakhir di mana Pejabat Cukai Pendapatan kawasan luar negeri mengendalikan cukai individu dan syarikat yang bermastautin di United Kingdom.

Cukai Pendapatan di Persekutuan Tanah Melayu

Cukai pendapatan mula diperkenalkan di Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Januari 1948 dengan berkuat kuasanya Ordinan Cukai Pendapatan 1947. Pada tahun 1967 Ordinan tersebut telah digabungkan dengan Ordinan Cukai Pendapatan 1956 Sabah dan Ordinan Pendapatan 1960 Sarawak menjadi Akta Cukai Pendapatan 1967 yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 1968.

Borang Nyata pertama dikeluarkan pada 1 November 1948. Pada November dan Disember 1948 dan pada awal tahun 1949, sebanyak 60,000 Borang Cukai Pendapatan telah dihantar kepada pembayar cukai yang berpotensi dan daripada jumlah tersebut sebanyak 51,000 Borang Cukai Pendapatan telah dikembalikan.

Jabatan Cukai Pendapatan dan Jabatan Hasil Dalam Negeri

Pejabat Cukai Pendapatan mula dikenali sebagai Jabatan Cukai Pendapatan dan kemudiannya bertukar menjadi Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) dalam tahun 1957. Sejak awal penubuhan iaitu dari tahun 1948 hingga 1967, jawatan Pengawal Besar adalah disandang oleh warga asing. Mulai 14 Januari 1967, Tan Sri Lim Leong Seng telah dilantik sebagai Ketua Pengarah JHDN dan beliau merupakan orang tempatan pertama yang dilantik memegang jawatan tersebut. JHDN mula diperbadankan pada tahun 1996 dan dikenali sebagai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).



Pejabat Pengawal Besar bertempat di Bangunan Suleiman, Kuala Lumpur

Sebelum diperbadankan, JHDN diketuai oleh seorang Ketua Pengarah dan tiga Timbalan Ketua Pengarah yang bertanggungjawab mentadbir 27 cawangan penaksiran, tiga cawangan pungutan dan 12 bahagian di peringkat Ibu Pejabat dan dianggotai oleh 6,300 pegawai.

Aktiviti penaksiran merupakan operasi utama dan dilaksanakan oleh 60% daripada pegawai JHDN. Aktiviti penaksiran melibatkan pemeriksaan Borang Cukai Pendapatan, penaksiran cukai dan pengeluaran notis taksiran kepada pembayar cukai. JHDN berfungsi sebagai pentadbir cukai selama 49 tahun dan bertanggungjawab melaksanakan dasar percukaian negara serta memungut cukai untuk pembangunan negara.



Pejabat JHDN/LHDNM yang mula beroperasi di Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Duta sejak tahun 1970

Penubuhan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

LHDNM ditubuhkan pada 1 Mac 1996 berikutan daripada cadangan Kerajaan memperbadankan JHDN semasa pembentangan Belanjawan 1993 oleh Menteri Kewangan pada 30 Oktober 1992. Penubuhan Lembaga adalah susulan daripada berkuat kuasanya Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533) yang telah diwartakan pada 16 Februari 1995. Akta ini memperuntukkan LHDNM bertindak sebagai ejen Kerajaan dan memberi perkhidmatan mengenai perkara yang berhubung dengan cukai atau hasil-hasil lain di bawah akta yang ditadbirkan oleh Lembaga.



Logo Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Evolusi Kepimpinan

Selama 60 tahun evolusi dari sebuah jabatan Kerajaan yang kecil menjadi sebuah agensi Kerajaan yang dinamik dan berkembang, LHDNM telah menjadi ejen pemungut Hasil Kerajaan Persekutuan yang terbesar. Pembangunan LHDNM adalah berterusan, selari dengan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Perkembangan dan kemajuan organisasi ini telah diterajui oleh 15 pemimpin yang berwibawa. Mereka terdiri daripada Pengawal Besar, Ketua Pengarah, Pengerusi Eksekutif, Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah, dan Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah berikut:

Pengawal Besar

R.B. Heasman (1948 – 1950)

E.M. McDonald (1950 – 1952)

A.W. Hodgers (1952 – 1955)

R.F. White (1955 – 1960)

E.S. Thomas (1960 – 1965)

L.A. Varty (1965 – 1967)

Ketua Pengarah

Tan Sri Lim Leong Seng (1967 – 1971)

Tan Sri M. Sundram (1971 – 1976)

Eu Boon Hor (1976 – 1980)

Y.M. Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim (1980 – 1990)

Tan Sri Dato' Abu Bakar bin Mohd Noor (1990 – 1996)

Pengerusi Eksekutif

Dato' Mohd Ali bin Hassan (1996 – 1997)

Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah

Datuk Najirah binti Mohd Tassaduk Khan (1997 – 2000)

Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah


Tan Sri Dato' Zainol Abidin bin Abd. Rashid (2000 – 2006)

Dato' Hasmah binti Abdullah (2006 – Kini)

Peneraju Organisasi Dalam Sejarah JHDN/LHDNM



ULANG TAHUN KE-60 JHDN/LHDNM 1948-2008




PRESTASI HASIL




OPERASI

Titian Kecemerlangan LHDNM Sepanjang 60 Tahun




Prestasi Kutipan Hasil

LHDNM telah berjaya memungut cukai berjumlah RM90.65 bilion dalam tahun 2008. Amaun ini merupakan rekod tertinggi pungutan cukai langsung negara. Kejayaan ini adalah disebabkan oleh prestasi pertumbuhan ekonomi negara yang kekal mampan dalam mewujudkan iklim perniagaan yang kondusif serta peningkatan berterusan pada harga petroleum yang merupakan salah satu hasil eksport utama negara. Jumlah kutipan cukai sebanyak RM90.65 bilion menyumbang kepada 56.11% daripada keseluruhan hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2008 iaitu RM161.56* bilion.




RAJAH 1: PUNGUTAN HASIL LHDNM



RAJAH 2: KUTIPAN CUKAI LANGSUNG BERBANDING HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN


* Sumber: Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Tahun 2009.

Kutipan cukai tersebut merangkumi cukai pendapatan dan cukai-cukai lain. Cukai pendapatan terdiri daripada cukai pendapatan syarikat, individu, petroleum, koperasi, pertubuhan, badan amanah, dan cukai pegangan. Manakala cukai-cukai lain terdiri daripada duti setem, Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT), cukai aktiviti perniagaan luar pesisir Labuan (IOFC), duti harta pusaka, dan pendaftaran perniagaan (Sarawak).



RAJAH 3: KUTIPAN CUKAI LANGSUNG BERSIH BERBANDING UNJURAN DISEMAK KERAJAAN

Sejumlah RM77.58 bilion merupakan unjuran disemak bersih iaitu setelah ditolak bayaran balik yang ditetapkan oleh Kerajaan dalam tahun 2008. Namun LHDNM berjaya membuat kutipan bersih sebanyak RM82.09 bilion iaitu suatu pencapaian atas unjuran disemak Kerajaan sebanyak 105.81% (Rajah 3).



RAJAH 4: PERATUS SUMBANGAN KOMPONEN-KOMPONEN CUKAI TERHADAP JUMLAH KUTIPAN KESELURUHAN CUKAI LANGSUNG

Nota: Lain-lain komponen cukai merangkumi koperasi, cukai pegangan, IOFC, dan hasil-hasil lain seperti bayaran mahkamah, bayaran kompaun (Seksyen 124 ACP 1967), faedah dari baki wang dalam bank, hasil guaman dan ganti rugi perkhidmatan.

Golongan pembayar cukai syarikat masih merupakan penyumbang utama dan terbesar kepada hasil Kerajaan di mana sejumlah RM46.90 bilion dikutip iaitu sebanyak 51.74% dari hasil kutipan keseluruhan. Ini diikuti oleh cukai pendapatan petroleum, dan cukai pendapatan individu dengan masing-masing menyumbang 26.69% dan 15.83% (Rajah 4).

Berbanding dengan tahun 2007, pungutan hasil dalam tahun 2008 telah meningkat sebanyak 21.35% (Jadual 1). Prestasi kutipan setiap komponen cukai langsung telah meningkat dengan ketara kecuali kutipan dari CKHT. Penurunan ini adalah disebabkan mulai 1 April 2007, CKHT tidak lagi dikenakan ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah.

Walau bagaimanapun, dalam tahun 2008, LHDNM masih lagi melaksanakan taksiran, pungutan, dan penguatkuasaan CKHT ke atas kes-kes tertunggak (pelupusan sebelum 1 April 2007).

Taksiran duti setem dikenakan ke atas dokumen-dokumen perundangan, komersial, dan kewangan yang tersenarai di bawah Jadual Pertama Akta Setem 1949. Dokumen-dokumen yang boleh dikenakan duti dinamakan surat cara atau instrumen. Dalam tahun 2008, duti setem yang dikenakan ke atas dokumen yang disetamkan berjumlah RM3,501.88 juta berbanding RM3,394.92 juta tahun sebelumnya iaitu suatu peningkatan sebanyak 3.15% (Jadual 2).

JADUAL 1: PUNGUTAN CUKAI LANGSUNG BAGI TAHUN 2008 DAN 2007

Komponen Cukai Langsung	2008 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	Perubahan (RM Juta)	Peratus Perubahan
Syarikat	46,902.04	37,574.55	9,327.49	24.82
Petroleum	24,191.04	20,453.02	3,738.02	18.28
Individu	14,346.52	11,592.18	2,754.34	23.76
Koperasi	204.65	188.99	15.66	8.29
Duti Setem	3,501.88	3,394.91	106.97	3.15
CKHT	110.37	277.43	-167.06	-60.22
Cukai Pegangan	1,354.11	1,189.44	164.67	13.84
IOFC	16.58	12.87	3.71	28.83
Cukai-cukai Lain*	23.71	19.82	3.89	19.63
Jumlah	90,650.90	74,703.21	15,947.69	21.35

* Cukai-cukai lain merangkumi bayaran kompaun (Seksyen 124 ACP 1967), bayaran mahkamah, faedah dari baki wang dalam bank, hasil guaman, dan ganti rugi perkhidmatan.

JADUAL 2: TAKSIRAN DAN PUNGUTAN DUTI SETEM DI PEJABAT DUTI SETEM DAN PUSAT KHIDMAT HASIL LHDNM

Jenis Dokumen	2008		2007	
	Bilangan	Amaun Duti (RM Juta)	Bilangan	Amaun Duti (RM Juta)
Pindah Milik Harta dan Syer	641,829	1,910.83	525,123	1,700.17
Pajakan dan Sewaan Harta Tanah	669,962	61.71	544,649	46.26
Sekuriti Pajak Peralatan dan Lain-lain	4,358,125	859.58	3,898,916	688.30
Memorandum/Tertib Persatuan	110,805	7.68	116,193	6.65
Dokumen Lain/Fi Taksiran/Duti Kompaun/Franker Pos/Jualan Setem Hasil	7,905,484	654.16	7,770,346	947.71
Dokumen Yang Dikenakan Penalti	245,108	7.92	205,209	5.83
Jumlah	13,931,313	3,501.88	13,060,436	3,394.92

Pembayaran Balik

Dalam tahun 2008, LHDNM meneruskan pendekatan memberi keutamaan kepada kes bayaran balik cukai kepada pembayar cukai bagi tahun semasa di samping menyelesaikan baki tuntutan bayaran balik tahun kebelakangan yang masih tertunggak.

Prestasi Penyampaian Perkhidmatan Pembayaran Balik Cukai

Seiring gesaan Kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam, LHDNM terus memberi tumpuan kepada penyelesaian pembayaran balik cukai mengikut tempoh yang ditetapkan kepada pembayar cukai.

Kelewatan mengurus bayaran balik cukai merupakan isu yang sering ditimbulkan dalam aduan dan rungutan orang awam terhadap perkhidmatan LHDNM. Sehubungan dengan itu, LHDNM menetapkan sasaran 90 hari bekerja untuk mengambil tindakan menyelesaikan kes bayaran balik bagi Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) yang dikemukakan secara manual dan 30 hari bekerja sekiranya BNCP dihantar melalui e-Filing. Penetapan sasaran dalam memproses bayaran balik dengan segera adalah selaras dengan amalan negara lain seperti Australia, Kanada, Ireland, Korea Selatan, New Zealand, Singapura, dan Afrika Selatan yang telah menetapkan prestasi bayaran balik cukai mengikut tempoh yang ditetapkan sebagai salah satu daripada piawaian penyampaian perkhidmatan tahunan.



Pengemukakan BNCP melalui kemudahan e-Filing dapat mempercepatkan proses bayaran balik cukai

Terdapat trend peningkatan dalam bilangan kes pembayaran balik cukai yang diselesaikan pada setiap tahun iaitu daripada 183,731 kes dalam tahun 2006 kepada 400,360 kes dalam tahun 2007, dan seterusnya 558,951 kes dalam tahun 2008. Amaun bayaran balik dikeluarkan dalam tahun 2008 ialah sebanyak RM8,559.69 juta manakala dalam tahun 2007 pula sebanyak RM5,394.27 juta. Ini melibatkan peningkatan RM3,165.42 juta atau 58.68% (Jadual 3).

JADUAL 3: PRESTASI PEMBAYARAN BALIK LEBIHAN BAYARAN

Tahun	Selain Syarikat		Syarikat		Jumlah		Peningkatan	
	Bil. Kes	Amaun (RM Juta)	Bil. Kes	Amaun (RM Juta)	Bil. Kes	Amaun (RM Juta)	Bil. Kes (%)	Amaun (%)
2008	531,930	1,963.77	27,021	6,595.92	558,951	8,559.69	39.61	58.68
2007	371,042	1,497.68	29,318	3,896.59	400,360	5,394.27	117.91	24.22
2006	170,691	2,029.26	13,040	2,313.13	183,731	4,342.39	13.34	32.54

Kaedah Pemungutan Cukai

Mekanisme pemungutan cukai melalui *Call-Out Centre*, bayaran ansuran, potongan cukai berjadual, cukai pegangan, lawatan ke premis, tindakan larangan meninggalkan Malaysia, dan tindakan guaman sivil diteruskan dengan memberi penekanan kepada pembayar cukai yang gagal membuat bayaran.

Call-Out Centre

Call-Out Centre berperanan menghubungi pembayar cukai yang mempunyai tanggungan cukai yang belum dijelaskan. Tujuan panggilan tersebut adalah untuk:

- Mengingatkan pembayar cukai tentang tanggungjawab menjelaskan hutang cukai;
- Memaklumkan tindakan penguatkuasaan yang bakal diambil sekiranya bayaran masih gagal dijelaskan; dan
- Membantu pembayar cukai yang menghadapi masalah aliran tunai dengan menjadualkan semula pembayaran ansuran mengikut keupayaan kewangan mereka.

Dalam tahun 2008 sebanyak 69,913 panggilan telah dibuat berbanding 58,409 panggilan dalam tahun 2007 (Jadual 4).

Pungutan Cukai Melalui Bayaran Ansuran

Terdapat dua kategori bagi pungutan cukai melalui bayaran ansuran:

- Pembayar cukai kategori individu yang berpendapatan perniagaan:
 - Kutipan cukai adalah secara ansuran dwibulanan menerusi notis bayaran ansuran (Borang CP 500) yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah LHDNM (Jadual 5);
 - Jadual ansuran bermula bulan Mac sehingga Januari tahun berikutnya; dan
 - Permohonan pindaan (Borang 502) boleh dibuat sebelum 30 Jun tahun berkenaan.
- Pembayar cukai kategori syarikat, koperasi, badan amanah, amanah unit, dan amanah pelaburan:
 - Kutipan cukai adalah secara ansuran bulanan berdasarkan anggaran cukai (Borang CP 204) yang dikemukakan oleh pembayar cukai (Jadual 5);
 - Jadual ansuran bermula dari bulan kedua tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran; dan
 - Permohonan pindaan boleh dibuat pada bulan keenam atau kesembilan tempoh perakaunan atau pada kedua-dua bulan tersebut.

Kegagalan mematuhi jadual pembayaran ansuran bagi kedua-dua kategori pembayar cukai di atas akan menyebabkan kenaikan cukai sebanyak 10% ke atas baki ansuran yang tidak dibayar.

JADUAL 4: PRESTASI CALL-OUT CENTRE

Tahun	Bil. Panggilan	Amaun Tunggakan Cukai (RM Juta)	Amaun Tunggakan Cukai Berjaya Dipungut (RM Juta)	Peratus Perubahan
2008	69,913	827.46	219.53	26.53
2007	58,409	1,586.64	622.53	39.24

JADUAL 5: ANGGARAN CUKAI SYARIKAT (BORANG CP204) DAN BAYARAN ANSURAN INDIVIDU (BORANG CP500)

	2008	2007
Bilangan Borang CP204 Diterima	247,483	242,049
Anggaran Cukai Borang CP204* (RM Juta)	32,916.24	25,897.28
Bilangan Borang CP500 Dikeluarkan	224,067	251,737
Bayaran Ansuran Borang CP500** (RM Juta)	1,244.98	1,106.84

* Anggaran cukai yang dinyatakan dalam CP204 (bagi kategori syarikat, koperasi, dan badan amanah) adalah sebelum apa-apa pindaan dan bayaran dibuat.

** Bayaran ansuran CP500 (bagi kategori selain syarikat) adalah sebelum apa-apa pindaan dan bayaran dibuat.

Potongan Cukai Berjadual

Dalam tahun 2008 sebanyak RM9,364.69 juta telah berjaya dipungut melalui skim Potongan Cukai Berjadual (PCB). Amaun ini menyumbang sebanyak 10.33% daripada pungutan cukai langsung (Jadual 6). Majikan yang tidak mematuhi skim tersebut akan diambil tindakan tegas melalui aktiviti audit. Sekiranya majikan masih ingkar, tindakan mahkamah boleh dikenakan. Pemantauan berterusan serta penguatkuasaan yang tegas telah berjaya meningkatkan jumlah pungutan cukai.

Peningkatan pungutan turut disokong dengan penyediaan pelbagai kemudahan pembayaran, penggunaan perisian PCB, dan program pendidikan cukai kepada majikan. Pembayaran PCB melalui kaunter bank yang dilantik sebagai ejen penerimaan bayaran telah mencatatkan peningkatan sebanyak 24.51%. Sambutan yang baik juga diterima untuk pembayaran PCB melalui perbankan elektronik di mana ia meningkat sebanyak 56.96% (Jadual 7).

Pungutan Cukai Pegangan

Pungutan cukai bagi beberapa jenis bayaran yang diterima oleh penerima bukan pemastautin daripada pembayar yang bermastautin di Malaysia, dilaksanakan melalui kaedah cukai pegangan. Pungutan cukai pegangan merangkumi peruntukan di bawah Seksyen 107A (bayaran kontrak), Seksyen 109/109B (faedah, royalti, bayaran perkhidmatan atau yuran, sewa, dan bayaran lain) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 serta amaun kenaikan kerana kelewatan meremitkan bayaran cukai pegangan. Walau bagaimanapun, mulai 30 Ogos 2008, cukai pegangan yang dikenakan di bawah Seksyen 109C ACP 1967 berhubung bayaran faedah yang dibayar kepada pemastautin adalah dikecualikan sepenuhnya. Dalam tahun 2008, sejumlah RM1,354.11 juta telah dipungut melalui mekanisme ini dengan sumbangan sebanyak 1.49% daripada keseluruhan jumlah pungutan hasil (Jadual 8).

JADUAL 6: JUMLAH PUNGUTAN MELALUI PCB BERBANDING PUNGUTAN HASIL

	2008	2007	Peratus
Pungutan Melalui PCB (RM Juta)	9,364.69	7,514.03	24.63
Pungutan Hasil (RM Juta)	90,650.90	74,703.21	21.35
Peratus Sumbangan	10.33	10.06	-

JADUAL 7: JUMLAH PUNGUTAN PCB MENGIKUT KAEDAH PEMBAYARAN (RM JUTA)

	2008	2007	Perbezaan	Peratus
Kaunter Bayaran LHDNM				
Jumlah	8,626.22	6,940.50	1,685.72	24.29
Kaunter Bank				
CIMB/BCBB	279.18	229.61	49.57	21.59
PBB	341.38	268.81	72.57	27.00
Jumlah	620.56	498.42	122.14	24.51
Perbankan Internet				
CIMB/BCBB	34.24	22.95	11.29	49.19
PBB	73.67	52.17	21.50	41.21
RHB	10.00	0.00	10.00	-
Jumlah	117.91	75.12	42.79	56.96
Jumlah Besar	9,364.69	7,514.04	1,850.65	24.63

JADUAL 8: PUNGUTAN CUKAI PEGANGAN

Tahun	Seksyen 107A (RM Juta)	Seksyen 109 / 109B (RM Juta)	Seksyen 109C (RM Juta)	Seksyen 109D (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
2008	88.94	1,215.81	23.74	25.62	1,354.11
2007	74.56	1,092.46	10.87	11.55	1,189.44

Lawatan Ke Premis

Program lawatan ke premis merupakan usaha proaktif LHDNM yang bertujuan untuk:

- Menyerahkan surat peringatan tunggakan cukai atau notis tuntutan serta mengadakan rundingan berhubung bayaran dengan pembayar cukai;
- Menasihati pembayar cukai membuat bayaran mengikut kaedah yang dibenarkan;
- Menjelaskan kepada pembayar cukai kesan ketidakpatuhan dan tindakan yang akan diambil sekiranya gagal menyelesaikan tunggakan cukai; dan
- Menyerahkan saman kepada pembayar cukai yang gagal menjelaskan tunggakan setelah notis tuntutan cukai tertunggak dikeluarkan.

Bagi notis atau saman yang gagal diserahkan, langkah pengesanan akan dilakukan melalui semakan maklumat dalam Gudang Data LHDNM serta sumber maklumat lain yang sesuai. Tindakan guaman sivil akan diambil sekiranya tiada sebarang maklum balas diperolehi atau pembayar cukai gagal mematuhi jadual pembayaran yang telah dipersetujui.

Tindakan Larangan Meninggalkan Negara

LHDNM akan mengambil tindakan larangan meninggalkan Malaysia (Seksyen 104, ACP 1967

dan Seksyen 22, Akta CKHT 1976) ke atas pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan tanggungan cukai pendapatan dan CKHT serta dipercayai akan meninggalkan Malaysia. Dalam tahun 2008, dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia, LHDNM telah mengambil tindakan larangan meninggalkan Malaysia ke atas 4,696 pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai sejumlah RM127.41 juta (Jadual 9).



Pegawai LHDNM sedang membuat semakan ke atas fail dan dokumen pembayar cukai semasa program lawatan ke premis dijalankan

JADUAL 9: TINDAKAN LARANGAN MENINGGALKAN NEGARA

	Bilangan Kes Berkuat kuasa (Januari – Disember 2008)	Jumlah Cukai Yang Terlibat (RM Juta)	Bilangan Kes Berkuat kuasa Sehingga 2008*	Jumlah Cukai Yang Terlibat (RM Juta)
Cukai Pendapatan	3,974	110.56	46,655	1,540.59
Cukai Keuntungan Harta Tanah	722	16.85	7,262	152.06
Jumlah	4,696	127.41	53,917	1,692.65

* Bilangan kes berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2008 (termasuk kes sebelum tahun 2008).

Tindakan Guaman Sivil

Di bawah ACP 1967 dan Akta CKHT 1976 tindakan guaman sivil boleh diambil terhadap pembayar cukai yang gagal menjelaskan tanggungan cukai. Tindakan pendakwaan bagi mengutip cukai yang terhutang dilakukan di mahkamah tertentu bergantung kepada amaun tanggungan cukai bagi setiap kes.

Dalam tahun 2008, LHDNM telah memfailkan 8,325 saman sivil di mahkamah bagi menuntut RM804.83 juta cukai yang tertunggak. Daripada jumlah tersebut sebanyak 7,030 kes adalah pembayar cukai individu yang melibatkan cukai berjumlah RM140.21 juta, manakala 1,295 kes lagi melibatkan pembayar cukai syarikat dengan tanggungan cukai berjumlah RM664.62 juta (Jadual 10).

Setelah penghakiman diperolehi, tindakan menguatkuasa dan melaksanakan penghakiman akan diambil seperti tindakan writ saman

penyitaan dan penjualan, saman penghutang penghakiman atau kebangkrapan bagi pembayar cukai individu. Manakala tindakan penggulungan akan diambil terhadap pembayar cukai syarikat. Sebanyak 2,849 tindakan kebangkrapan telah difailkan di mahkamah ke atas kes individu yang melibatkan cukai berjumlah RM259.81 juta. Manakala sebanyak 263 tindakan penggulungan telah difailkan terhadap syarikat, yang melibatkan cukai berjumlah RM190.39 juta.

Sepanjang tahun 2008, sebanyak 1,298 kes pembayar cukai individu serta 258 kes pembayar cukai syarikat yang telah mendapat perintah penggulungan atau kebangkrapan telah didaftarkan di Jabatan Insolvensi Malaysia. Hasil tindakan yang diambil, sebanyak 1,588 kes individu melibatkan cukai berjumlah RM39.87 juta dan 200 kes syarikat melibatkan cukai berjumlah RM95.63 juta telah diselesaikan sepenuhnya (Jadual 11 dan 12).

JADUAL 10: TINDAKAN GUAMAN SIVIL

	2008		2007	
	Bilangan Saman Difailkan	Amaun Cukai (RM Juta)	Bilangan Saman Difailkan	Amaun Cukai (RM Juta)
Individu	7,030	140.21	8,293	157.57
Syarikat	1,295	664.62	1,146	771.18
Jumlah	8,325	804.83	9,439	928.75

JADUAL 11: TINDAKAN WRIT SAMAN PENYITAAAN DAN PENJUALAN, SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN ATAU KEBANKRAPAN

	2008	2007
Bilangan Kes Difailkan Di Mahkamah	2,849	2,138
Amaun Cukai (RM Juta)	259.81	67.24
Bilangan Kes Didaftarkan Di Jabatan Insolvensi Malaysia	1,298	943
Bilangan Kes Selesai	1,588	1,163
Amaun Cukai (RM Juta)	39.87	36.43

JADUAL 12: TINDAKAN PENGGULUNGAN SYARIKAT

	2008	2007
Bilangan Kes Difailkan Di Mahkamah	263	362
Amaun Cukai (RM Juta)	190.39	230.47
Bilangan Kes Didaftarkan Di Jabatan Insolvensi Malaysia	258	501
Bilangan Kes Selesai	200	74
Amaun Cukai (RM Juta)	95.63	42.36

Perkhidmatan Pelanggan

Perkhidmatan pelanggan LHDNM merupakan satu program berbentuk bimbingan yang dilaksanakan dengan matlamat untuk memberi kesedaran dan meningkatkan pengetahuan percukaian kepada pembayar cukai individu, syarikat, ejen cukai, majikan, dan bakal pembayar cukai.

Program Pembelajaran Cukai

Pembelajaran cukai adalah program yang dirancang untuk memberi pendedahan awal kepada masyarakat umum berhubung perubahan yang berlaku dalam sistem pentadbiran percukaian negara berikutan pelaksanaan STS. Program ini diadakan untuk membimbing pembayar cukai melaksanakan tanggungjawab percukaian mereka.

- **Taklimat dan Pendidikan Cukai**

Di bawah STS, pembayar cukai akan mengira sendiri tanggungan cukai mereka. Bagi meminimumkan kesilapan yang dibuat, pendidikan cukai disampaikan melalui taklimat, bengkel, dan ceramah. Program ini diadakan secara percuma di semua cawangan LHDNM dan premis pembayar cukai oleh pegawai-pegawai LHDNM yang berpengalaman.

Sebanyak 5,637 sesi taklimat STS dan e-Filing telah diadakan dalam tahun 2008 berbanding 4,988 taklimat dalam tahun 2007, iaitu peningkatan sebanyak 13.01% (Jadual 13). Manakala bilangan peserta turut meningkat sebanyak 23.78% dalam tahun 2008, iaitu daripada 389,191 orang berbanding 314,426 orang dalam tahun 2007.

Di samping itu, dalam tahun 2008 LHDNM turut menerima 13 siri lawatan yang melibatkan 560 orang peserta dari pelbagai institusi pengajian tinggi, agensi Kerajaan dan swasta. Pelawat telah didedahkan kepada aspek percukaian berhubung cukai langsung menerusi taklimat yang disampaikan.



Taklimat STS yang disampaikan oleh pegawai LHDNM



Lawatan pelajar institusi pengajian tinggi ke LHDNM

JADUAL 13: TAKLIMAT STS DAN e-FILING

	2008	2007	Bilangan Peningkatan	Peratus Peningkatan
Bilangan Sesi Taklimat	5,637	4,988	649	13.01
Bilangan Peserta	389,191	314,426	74,765	23.78

JADUAL 14: PENDIDIKAN CUKAI DI MEDIA

	2008	2007
Pembelajaran Di TV	15 sesi	11 sesi
Pembelajaran Di Radio	8 sesi	8 sesi
Wawancara Eksklusif	5 sesi	3 sesi

- **Unit Khidmat Sokongan Peniaga Kecil (UKSP)**

UKSP menawarkan program khusus kepada golongan peniaga kecil dan sederhana yang tidak diwakili oleh ejen cukai. Ianya meliputi pendidikan berkaitan kaedah penyimpanan rekod perniagaan, penyediaan akaun ringkas perniagaan, dan pengendalian urusan taksiran serta bayaran cukai. Seramai 10,493 pembayar cukai telah mengunjungi LHDNM bagi mengikuti latihan dalam tahun 2008 berbanding 8,492 pembayar cukai dalam tahun 2007. Program ini akan dipelbagaikan pada masa hadapan dengan mengadakan taklimat khusus kepada pembayar cukai yang dikenal pasti gagal menyediakan buku dan menyimpan rekod perniagaan dengan betul.

- **Program Pendidikan Cukai di Media Cetak, Radio dan TV**

Program pendidikan cukai menerusi media cetak dan media elektronik turut diadakan bagi menyalurkan maklumat percukaian kepada pembayar cukai. Lazimnya pada setiap tahun, banyak jemputan dan ruang masa diberi oleh pihak stesyen TV dan radio bagi menyampaikan maklumat yang bersesuaian terutama menjelang tempoh puncak pengemukaan BNCP (Jadual 14).



Majlis penyampaian hadiah oleh YB Dato' Kong Cho Ha, Timbalan Menteri Kewangan kepada pemenang pertandingan Pidato Hasil Peringkat Kebangsaan 2008

- **Pertandingan Pidato Hasil**

Pertandingan Pidato Hasil merupakan program tahunan LHDNM dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia bagi meningkatkan kesedaran percukaian di kalangan pelajar tingkatan enam agar menjadi masyarakat yang celik cukai apabila dewasa kelak. Seramai 801 orang pelajar telah mengambil bahagian dalam pertandingan peringkat daerah dan negeri di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 16 orang peserta telah dipilih untuk bertanding di peringkat kebangsaan.

Hebahan dan Publisiti Melalui Media

Publisiti berperanan untuk meningkatkan imej LHDNM serta menghebahkan maklumat percukaian kepada umum. Aktiviti publisiti terus digiatkan melalui media cetak (akhbar, banner, dan bunting) dan media elektronik (TV dan radio termasuk e-Billboard di Putrajaya). Antara hebahan yang sering dipaparkan ialah peringatan tarikh akhir pengembalian BNCP, liputan aktiviti banci bisnes, liputan peristiwa, dan berita semasa. Paparan peringatan tarikh akhir pengemukaan BNCP dan makluman pembukaan kaunter perkhidmatan di luar pejabat turut dibuat menerusi *crawler* di TV pada masa yang bersesuaian.

Pada tahun 2008, LHDNM telah menyiarkan iklan pengembalian BNCP 2007 mulai 25 April 2008 hingga 29 April 2008 di 11 akhbar utama di seluruh negara (Jadual 15).



Aktiviti publisiti LHDNM melalui radio

JADUAL 15: PUBLISITI DI MEDIA

	2008	2007
Iklan e-Filing Di Akhbar Utama	11 iklan	11 iklan
Iklan e-Filing Di TV	289 siaran	90 siaran
Iklan e-Filing Di Radio	3,003 siaran	2,322 siaran
Iklan e-Filing Akhbar <i>Online</i> (2 minggu)	5 akhbar	5 akhbar
Iklan Kain Rentang e-Filing Di Lebuhraya (4 bulan)	11 lokasi	11 lokasi

Maklumat Percukaian Melalui Internet

Perkhidmatan melalui internet merupakan perkhidmatan teknologi semasa yang turut membantu LHDNM menyebarkan maklumat percukaian melalui laman web rasmi iaitu www.hasil.gov.my. Laman web ini dapat dilayari oleh semua golongan masyarakat tanpa mengira status dan peringkat umur. Paparan laman web ini sentiasa dikemaskini supaya kandungan maklumatnya adalah sejajar dengan perkembangan semasa.

Pegawai Perhubungan Cukai

LHDNM telah memperkenalkan program perlantikan pegawai perhubungan cukai atau *Tax Relation Officer* (TRO) di pelbagai jabatan Kerajaan dan syarikat swasta. TRO berfungsi sebagai penghubung dalam menyalurkan maklumat yang boleh membantu golongan pekerja meningkatkan pengetahuan cukai agar dapat menjalankan tanggungjawab percukaian masing-masing. Bilangan TRO yang dilantik dalam tahun 2008 adalah 5,761 orang berbanding 4,311 dalam tahun 2007.

Penerbitan LHDNM

LHDNM juga telah menerbitkan semula 18 risalah percukaian dalam format yang lebih ringkas dan mudah yang diedarkan kepada orang ramai melalui kaunter perkhidmatan di seluruh cawangan LHDNM. Selain itu, LHDNM juga menerbitkan Berita HASiL iaitu majalah rasmi LHDNM yang dikeluarkan sebanyak tiga kali setahun. Berita HASiL memuatkan aktiviti-aktiviti LHDNM sepanjang tahun.

Pusat Khidmat Pelanggan

Pusat Khidmat Pelanggan (PKP) yang beroperasi di Pusat Pemprosesan, Pandan Indah, Kuala Lumpur telah ditingkatkan keupayaannya bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada pembayar cukai. Talian bebas tol [1-300-88-3010](tel:1-300-88-3010) diperkenalkan bagi membolehkan pembayar cukai menghubungi LHDNM dengan mudah.

Bilangan pembayar cukai yang mendapatkan perkhidmatan PKP meningkat sebanyak 23.82% dalam tahun 2008 iaitu 306,087 panggilan berbanding 247,202 panggilan dalam tahun 2007 (Jadual 16). Peningkatan berterusan bilangan pembayar cukai yang menggunakan perkhidmatan PKP ini khususnya menerusi telefon dan e-mel setiap tahun menunjukkan ianya adalah perkhidmatan yang amat diperlukan. Perkhidmatan ini merupakan satu kemudahan yang dapat membantu pembayar cukai meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan isu-isu cukai. Memandangkan perkhidmatan di PKP ini telah mendapat sambutan yang baik di kalangan pembayar cukai, sebuah lagi PKP di Kuching telah dibuka pada bulan Ogos 2008.



Antara risalah percukaian dan majalah yang diterbitkan oleh LHDNM

JADUAL 16: PUSAT KHIDMAT PELANGGAN

Perkhidmatan	2008	2007	Peratus Perubahan
Bilangan Panggilan Telefon	248,782	213,920	16.30
E-mel Diterima	54,415	29,962	81.61
Bilangan Rundingan/Temu duga	2,890	3,320	-12.95
Jumlah	306,087	247,202	23.82

Pusat Khidmat Hasil

Pusat Khidmat Hasil (PKH) mula ditubuhkan pada tahun 2004 bertujuan mengambil alih tugas penyeteman daripada Pejabat Daerah untuk memberi perkhidmatan penyeteman yang lebih efisien, memastikan taksiran, dan pungutan duti setem dilakukan secara tepat, serta memberikan perkhidmatan percukaian. Dalam tahun 2008, dua PKH telah dibuka iaitu di Kuala Pilah serta Segamat dan menjadikan sejumlah 13 PKH sehingga kini.

Kutipan duti setem di PKH telah meningkat daripada RM78.97 juta dalam tahun 2007 kepada RM107.68 juta dalam tahun 2008 iaitu suatu peningkatan sebanyak 36.36% (Jadual 17). Peningkatan ini didorong oleh kutipan duti setem yang lebih tepat di PKH.

Tele Info LHDNM

Dalam tahun 2008 LHDNM telah melancarkan perkhidmatan talian Tele Info berbayar yang beroperasi 24 jam sehari selama tujuh hari seminggu sebagai kemudahan tambahan kepada pembayar cukai untuk mendapatkan maklumat percukaian. Nombor talian untuk perkhidmatan ini ialah [03-42893636](tel:03-42893636). Sebanyak 30 talian disediakan bagi perkhidmatan ini yang mampu menampung 30 panggilan serentak pada satu-satu masa.

mySMS di bawah Gerbang SMS Kerajaan Malaysia

Aplikasi ini merupakan kemudahan SMS berkelompok bagi semua jabatan dan agensi Kerajaan yang diuruskan oleh Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Sebagai permulaan, LHDNM terlibat dengan memberi perkhidmatan *Information on Demand* (IOD) yang membolehkan pembayar cukai mendapat maklumat berkaitan alamat, nombor telefon, dan nombor faks semua cawangan serta PKH dengan menghantar SMS ke nombor [15888](tel:15888). Fasa pertama ini telah dilancarkan pada 31 Julai 2008.



Kemudahan SMS untuk manfaat pembayar cukai

JADUAL 17: KUTIPAN DUTI SETEM DI PUSAT KHIDMAT HASIL

PKH	2008 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	Peratus Peningkatan
Manjung	20.26	13.38	51.42
Batu Pahat	23.64	20.41	15.83
Hulu Langat	43.53	36.25	20.08
Kudat	0.22	0.19	15.79
Lahat Datu	1.06	0.73	45.21
Limbang	1.50	1.17	28.21
Mukah	0.23	0.15	53.33
Kemaman	5.71	4.65	22.80
Bentong	3.54	1.43	147.55
Sri Aman	1.07	0.20	435.00
Tampin	3.36	0.41	719.51
Kuala Pilah	1.81	-	-
Segamat	1.75	-	-
Jumlah	107.68	78.97	36.36

Perkhidmatan Kaunter

• Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai (BPPC)

BPPC merupakan program tahunan LHDNM yang diadakan bertujuan membantu pembayar cukai melaksanakan pelbagai perkara, seperti memberi tunjuk ajar mengisi BNCP secara manual atau e-Filing, membuat pengiraan cukai pendapatan, mengemukakan dan mendapatkan BNCP, mendaftar fail cukai pendapatan, serta mendapatkan lain-lain khidmat nasihat percukaian. Selain daripada kaunter di pejabat, kaunter perkhidmatan di luar pejabat seperti di pusat beli belah, pejabat Kerajaan, pejabat syarikat swasta, hospital, sekolah, bank, dan dewan orang ramai turut dibuka.

Sepanjang program BPPC yang diadakan dari 1 Mac hingga 30 Jun 2008, bilangan pembayar cukai yang hadir ke pejabat atau kaunter perkhidmatan luar LHDNM mencatatkan bilangan yang ramai iaitu 721,833 orang berbanding 884,748 orang dalam tahun 2007. Kebanyakan daripada pembayar cukai yang hadir adalah untuk mendapat panduan bagi menghantar BNCP menerusi e-Filing. Pembukaan

kaunter perkhidmatan di luar pejabat telah dikurangkan kepada 6,340 kaunter sahaja kerana semua cawangan LHDNM telah melanjutkan tempoh perkhidmatan hingga melepasi waktu pejabat dan pada setiap hujung minggu terutamanya menjelang tarikh akhir pengemukaan BNCP (Jadual 18 dan Rajah 5).




Kaunter perkhidmatan LHDNM di luar pejabat

JADUAL 18: KAUNTER PERKHIDMATAN BPPC

	2008	2007	Peratus Perubahan
Bilangan Kaunter	6,340	7,103	-10.74
Bilangan Pengunjung	721,833	884,748	-18.41

Bilangan Pengunjung



RAJAH 5: JUMLAH PENGUNJUNG KAUNTER BPPC

• Kaunter Penerangan/Ekspo

Kaunter penerangan LHDNM dibuka semasa berlangsungnya beberapa ekspso perdagangan, pameran, dan acara keramaian yang dianjurkan oleh Kerajaan, badan berkanun serta syarikat swasta sebagai satu langkah yang positif bagi mendekati pembayar cukai. Kaunter penerangan menawarkan beberapa perkhidmatan seperti pendaftaran, penyemakan akaun cukai, dan penerimaan BNCP. Antara ekspso yang telah disertai ialah Ekspo Gerakan Usahawan, Ekspo Cintai Malaysia, Ekspo Merdeka, Majlis Pelancaran Gerbang SMS, Persidangan Percukaian Nasional, dan sebagainya.

• Kaunter Bayaran

Pusat Pungutan Cukai LHDNM bertempat di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur, Cawangan Kuching di Sarawak, dan Cawangan Kota Kinabalu di Sabah. Kaunter bayaran di cawangan tersebut menerima bayaran cukai berbentuk tunai, cek, bank draf, wang pos, atau kiriman wang. Pengiriman bayaran cukai melalui pos juga boleh dikemukakan ke cawangan berkenaan.

Bagi memudahkan urusan pembayaran cukai pendapatan dan CKHT, CIMB Bank Berhad (CIMB), Public Bank Berhad (PBB), dan Maybank Berhad telah dilantik sebagai ejen penerima bayaran cukai. Dalam tahun 2008, jumlah kutipan bayaran melalui bank telah mencatatkan peningkatan sebanyak 21.35% berbanding tahun 2007 (Jadual 19). LHDNM meneruskan kerjasama dengan ketiga-tiga kumpulan perbankan berkenaan bagi menawarkan beberapa kaedah baru pembayaran bagi kemudahan pembayar cukai.

• Kaunter Setempat

Perkhidmatan kaunter setempat dikendalikan oleh Unit Khidmat Pelanggan (UKP) di semua cawangan LHDNM bagi membolehkan pembayar cukai mengendalikan semua urusan percukaian di satu lokasi dalam persekitaran yang lebih selesa. Pembayar cukai boleh mengunjungi kaunter setempat cawangan atau berinteraksi dengan pegawai UKP melalui telefon, faks, surat, atau e-mel. Dalam usaha penambahbaikan perkhidmatan kaunter ini, pembayar cukai turut diberi peluang menyuarakan pandangan dan aduan melalui borang maklum balas yang diedarkan.



Perkhidmatan kaunter setempat di Pejabat LHDNM Jalan Duta

JADUAL 19: KEMUDAHAN PEMBAYARAN CUKAI

	Kaunter Bayaran* dan Melalui Mel (RM Juta)	Kaunter Bank (RM Juta)	Perbankan Internet (RM Juta)	Lain-lain** (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
2008	73,415.42	13,684.25	209.80	3,341.43	90,650.90
2007	58,916.11	11,998.42	100.20	3,688.47	74,703.21
Peratus Perubahan	24.61	14.05	109.38	-9.41	21.35

* Kaunter bayaran di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur, Kuching, dan Kota Kinabalu.

** Meliputi duti setem, duti harta pusaka, IOFC, dan pendaftaran perniagaan.

Perkhidmatan Elektronik

Sejajar dengan usaha Kerajaan melaksanakan perkhidmatan elektronik dalam semua urusan, LHDNM telah memberikan tumpuan lebih khusus kepada perkhidmatan elektronik dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada pembayar cukai. Inovasi berterusan dilakukan supaya urusan taksiran dan pembayaran cukai dapat dijalankan dengan lebih mudah dan pantas.

- **Pengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan Melalui Internet (e-Filing)**

Aplikasi e-Filing mula diperkenalkan pada Februari 2006. Pembayar cukai individu dan syarikat boleh mengemukakan BNCP secara elektronik melalui internet. Mulai tahun 2008, kemudahan e-Filing diperluaskan kepada pembayar cukai kategori tidak bermastautin, perkongsian, dan majikan. LHDNM telah mempermudah aplikasi e-Filing di samping meningkatkan kapasiti server supaya pembayar cukai boleh menyelesaikan proses pengisian dan penghantaran borang dalam masa yang lebih singkat.

Dalam tahun 2008, bilangan BNCP yang difailkan melalui e-Filing meningkat 35.78% kepada 1,188,130 berbanding 875,051 dalam tahun 2007 (Jadual 20). Angka berkenaan melebihi sasaran satu juta pengguna e-Filing yang telah disasarkan oleh LHDNM dalam tahun ketiga pelaksanaan sistem ini.


Pengemukakan BNCP secara elektronik dapat menjimatkan masa dan kos pembayar cukai. LHDNM juga dapat mengurangkan kos percetakan, kos penghantaran, dan kos imbasan BNCP. Kini LHDNM telah menghentikan pengeluaran BNCP secara fizikal (manual) kepada pembayar cukai yang telah menggunakan e-Filing tahun sebelumnya. Penjimatan kos adalah dianggarkan sejumlah RM8.17 juta selain dapat mengurangkan beban kerja bagi memproses BNCP fizikal.

- **Bayaran Cukai Pendapatan Melalui Perbankan Elektronik (e-Bayaran)**

Kaedah pembayaran elektronik (e-Bayaran) adalah antara kemudahan yang disediakan untuk pembayar cukai di bawah inisiatif Kerajaan Elektronik (*e-Government*). Pembayar cukai boleh membuat bayaran baki tanggungan cukai secara *online* menerusi gerbang e-Bayaran selepas mengemukakan BNCP secara e-Filing.

Pada masa ini pembayar cukai boleh menggunakan khidmat perbankan elektronik yang ditawarkan oleh CIMB Bank Berhad, Public Bank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Maybank Berhad, Hong Leong Bank Berhad, dan RHB Bank Berhad.

Perbankan internet ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan di kalangan pembayar cukai. Sejumlah 85,646 transaksi pembayaran cukai telah dilakukan melalui kemudahan ini dalam tahun 2008, berbanding 19,436 dalam tahun 2007 iaitu suatu peningkatan sebanyak 340.66%. Amaun dipungut juga telah mencatat peningkatan 109.35% dari RM100.22 juta kepada RM209.81 juta dalam tahun 2008 (Jadual 21).



Aplikasi e-Filing membolehkan pengemukakan BNCP secara elektronik melalui internet

JADUAL 20: PRESTASI MEMFAIL SECARA ELEKTRONIK

Jenis Borang	2008	2007	Peratus Peningkatan
BE	1,011,193	762,153	32.68
B	157,058	110,942	41.57
C	6,209	1,956	217.43
M	2,854	-	-
P	10,572	-	-
E	244	-	-
Jumlah	1,188,130	875,051	35.78

- **Sistem Taksiran Pindah Milik Harta Tanah (STPH)**

STPH dibangunkan bagi memudahkan taksiran duti setem dilakukan atas pemindahan harta tanah. Sistem ini boleh diakses di <http://pinharta@hasil.gov.my>. Bilangan ejen dan firma guaman yang telah menggunakan kemudahan STPH menunjukkan peningkatan berterusan setiap tahun (Jadual 22). Bilangan firma guaman dan ejen yang baru mendaftar untuk menggunakan STPH di dalam tahun 2008 berjumlah 2,746 pengguna berbanding 1,895 pengguna yang menggunakan kemudahan ini dalam tahun 2007. Ini menjadikan keseluruhan firma guaman dan ejen yang telah mendaftar sebanyak 4,641 pengguna. Jumlah transaksi menggunakan STPH dalam tahun 2008 telah meningkat sebanyak 102.62% di mana 181,541 transaksi dilakukan berbanding hanya 89,598 dalam tahun 2007. Kutipan duti setem yang telah ditaksir melalui STPH pula mencatat peningkatan sebanyak 36.86% iaitu sebanyak RM614.37 juta berbanding RM448.90 juta dalam tahun 2007. Amaun tersebut adalah 17.54% daripada jumlah kutipan duti setem dalam tahun 2008 yang berjumlah RM3,501.88 juta.

- **e-Filing Ejen Cukai**

Kemudahan e-Filing Ejen Cukai yang dilancarkan pada 4 Mac 2008 merupakan aplikasi pengemukaan BNCP oleh ejen cukai. Aplikasi ini membolehkan ejen cukai memfailkan BNCP bagi pihak pelanggannya secara elektronik dengan syarat mendapat kebenaran daripada pelanggannya. Untuk tujuan kebenaran tersebut, pelanggan perlu mengisi Borang Kuasa Pemfailan Penyata Secara Elektronik (CP55).

- **e-Daftar**

Aplikasi ini merupakan inovasi dalam tahun 2008 untuk memudahkan pembayar cukai individu dan syarikat mendaftar fail cukai pendapatan mereka secara *online* melalui internet. Pendaftaran fail cukai pendapatan individu mula dilaksanakan pada 1 April 2008 manakala bagi syarikat pula pada 1 Julai 2008. Sehingga 31 Disember 2008, sebanyak 8,833 fail individu serta 663 fail syarikat telah berjaya didaftar menggunakan aplikasi ini.



Majlis Pelancaran Perkhidmatan Pembayaran Cukai LHDNM melalui saluran perkhidmatan Maybank pada 10 Jun 2008

JADUAL 21: PERBANKAN INTERNET

	2008	2007	Peratus Perubahan
Bilangan Pembayar Cukai	85,646	19,436	340.66
Amaun Dipungut (RM Juta)	209.81	100.22	109.35

JADUAL 22: JUMLAH FIRMA GUAMAN/EJEN BERDAFTAR DAN JUMLAH TRANSAKSI MELALUI STPH

	Jumlah Firma Guaman/ Ejen Menggunakan STPH	Jumlah Transaksi Melalui STPH	Jumlah Pungutan Duti Melalui STPH (RM Juta)
2008	4,641	181,541	614.37
2007	1,895	89,598	448.90
Peningkatan	2,746	91,943	165.47

Hak Pembayar Cukai

Bantahan dan Rayuan

Perundangan cukai memberikan hak kepada pembayar cukai mengemukakan rayuan ke atas taksiran yang dibangkitkan oleh LHDNM. Sebarang rayuan berhubung taksiran cukai atau taksiran pindaan yang dikeluarkan oleh LHDNM hendaklah dikemukakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran dikeluarkan. LHDNM akan mengkaji rayuan yang dikemukakan sebelum memberikan keputusannya. Jika pembayar cukai masih tidak berpuas hati dengan keputusan LHDNM berhubung rayuan yang mereka kemukakan, mereka boleh mengemukakan rayuan lanjut kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) dengan mengisi Borang Q. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) akan mengemukakan kes kepada PKCP yang akan membuat keputusan setelah menimbang fakta kes rayuan berkenaan. Rayuan seterusnya boleh dilakukan oleh mana-mana pihak ke peringkat Mahkamah Tinggi dan seterusnya ke Mahkamah Rayuan. Jumlah pembayar cukai yang telah mengemukakan bantahan rasmi dalam tahun 2008 ditunjukkan pada Jadual 23 dan 24.



Bantahan dan rayuan cukai yang dikemukakan perlu merujuk kepada akta dan buku-buku perundangan yang berkaitan

JADUAL 23: BANTAHAN RASMI

Bantahan	Cukai Pendapatan				CKHT	
	Syarikat		Individu*			
	2008	2007	2008	2007	2008	2007
Dalam Proses (b/h)**	12	10	2	2	5	3
Difailkan Dalam Tahun	45	46	6	8	6	8
Jumlah	57	56	8	10	11	11
Selesai	45	44	8	8	8	6
Dalam Proses (h/h)***	12	12	0	2	3	5

* Termasuk badan amanah, pertubuhan, dan perkongsian.

** b/h: bawa hadapan daripada tahun sebelumnya.

*** h/h: hantar hadapan ke tahun berikutnya.

JADUAL 24: RAYUAN KE PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN DAN MAHKAMAH

Rayuan	Mahkamah Tinggi		Mahkamah Rayuan		Mahkamah Persekutuan	
	2008	2007	2008	2007	2008	2007
Dalam Proses (b/h)*	44	26	10	8	0	1
Difailkan Dalam Tahun	22	26	7	4	1	0
Jumlah	66	52	17	12	1	1
Selesai	19	8	6	2	0	1
Dalam Proses (h/h)**	47	44	11	10	1	0

* b/h: bawa hadapan daripada tahun sebelumnya.

** h/h: hantar hadapan ke tahun berikutnya.

Pematuhan Cukai, Pencegahan, dan Penguatkuasaan

Banci Bisnes

Program banci bisnes dilaksanakan untuk meningkatkan tahap pematuhan selain membesarkan asas cukai dengan mengesan pembayar cukai yang masih belum termasuk dalam jaringan cukai negara. Melalui aktiviti ini, pegawai-pegawai LHDNM telah mengadakan lawatan ke premis-premis perniagaan. Objektif banci bisnes adalah untuk menggalakkan orang awam supaya tampil mendaftarkan diri sebagai pembayar cukai secara sukarela. Aktiviti ini, bukan sahaja telah mempertingkatkan kadar pematuhan di kalangan pembayar cukai malah telah berjaya mengubah sikap negatif di kalangan orang awam terhadap isu-isu percukaian melalui proses pembelajaran cukai yang diberikan semasa lawatan.

Walau bagaimanapun, aktiviti banci bisnes telah dikurangkan dalam tahun 2008 bagi membolehkan pegawai memberi tumpuan kepada aktiviti auditan PCB. Dalam tahun 2008, LHDNM telah membuat lawatan ke atas 36,438 premis pembayar cukai berbanding dengan 51,711 premis dalam tahun 2007. Hasil daripada lawatan tersebut, LHDNM berjaya mendaftar 4,091 pembayar cukai baru dan 798 pembayar cukai yang dilawati telah dirujuk kepada pasukan audit luar untuk pemeriksaan lanjut (Rajah 6).

Audit Cukai

Pelaksanaan program audit cukai yang berkesan adalah salah satu faktor penting untuk meningkatkan tahap pematuhan cukai di dalam persekitaran STS. Program audit cukai yang berkesan dan terancang akan meningkatkan tahap pematuhan dalam pengisytiharan pendapatan di kalangan pembayar cukai yang akan menyumbang kepada peningkatan kutipan cukai. Oleh itu, LHDNM memberi tumpuan utama kepada pemantapan dan pelaksanaan program audit cukai.

Dalam tahun 2008, bilangan kes syarikat dan bukan syarikat yang selesai diaudit ialah 1,052,939 kes berbanding 279,175 kes dalam tahun 2007. Amaun cukai tambahan dan penalti yang diperolehi hasil

penyelesaian audit untuk tahun 2008 meningkat kepada RM1,697.16 juta berbanding RM1,410.57 juta pada tahun 2007 (Jadual 25).

Audit Luar

Aktiviti audit luar dilaksanakan bagi mengesan sebarang langkah mengurangkan tanggungan cukai oleh pembayar cukai yang diaudit. Pada masa yang sama, langkah ini bertujuan mewujudkan kesedaran di kalangan pembayar cukai yang belum diaudit tentang kemungkinan mereka juga akan terpilih untuk diaudit pada masa hadapan.

Dalam tahun 2008, jumlah kes diaudit dan diselesaikan telah meningkat kepada 13,985 kes dan 8,459 kes iaitu suatu lonjakan sebanyak 118% dan 23% masing-masing berbanding tahun 2007. Namun begitu jumlah kutipan melalui aktiviti ini telah menurun dari RM745.49 juta dalam tahun 2007 ke RM631.58 juta dalam tahun 2008 (Rajah 7). Penurunan ini adalah kerana terdapat antara kes-kes yang diaudit, termasuk kes yang telah melaporkan kerugian. Menerusi aktiviti audit luar yang dijalankan, tuntutan kerugian tersebut telah berjaya dikurangkan dan menyebabkan penjimatan cukai sejumlah RM325.19 juta bagi kes syarikat dan RM3 juta bagi kes bukan syarikat.

Audit Meja


Selain daripada aktiviti audit luar yang memerlukan pegawai memeriksa akaun pembayar cukai di premis perniagaan mereka, aktiviti audit meja juga turut dipertingkatkan. Tumpuan utama aktiviti ini adalah untuk:

- Menyemak dan membangkitkan taksiran tambahan dengan pengenaan penalti bagi kes-kes kurang/gagal melaporkan pendapatan atau membuat tuntutan berlebihan berdasarkan pemeriksaan yang dilakukan terhadap BNCP dan maklumat kewangan yang dikemukakan oleh pembayar cukai; dan
- Mengendalikan kes-kes bayaran balik.

JADUAL 25: PENYELESAIAN AUDIT CUKAI


	2008		2007	
	Bilangan Kes Selesai	Cukai dan Penalti (RM Juta)	Bilangan Kes Selesai	Cukai dan Penalti (RM Juta)
Kes Syarikat	27,843	185.99	11,848	538.20
Kes Bukan Syarikat	1,025,096	1,511.17	267,327	872.37
Jumlah Terkumpul	1,052,939	1,697.16	279,175	1,410.57

Bilangan Kes



RAJAH 6: BANCIS BISNES


Bilangan Kes



RAJAH 7: AUDIT LUAR

Rajah 8 menunjukkan bahawa jumlah kes yang berjaya diselesaikan berserta dengan kutipan cukai dan penalti, telah meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2008, bilangan kes selesai diaudit serta amaun dikutip telah meningkat ke 1,044,480 kes dan RM1,065.58 juta iaitu suatu peningkatan sebanyak

284% dan 60% berbanding tahun 2007. Peningkatan secara mendadak dalam bilangan kes selesai diaudit ini adalah disebabkan aktiviti audit meja bagi individu yang berpendapatan penggajian dan perniagaan yang telah bermula sejak tahun 2007.



RAJAH 8: AUDIT MEJA

JADUAL 26: PENCAPAIAN AUDIT PCB

Tahun	Bilangan Majikan Diaudit	Majikan Tidak Patuh		Cukai Kurang Dipotong (RM Juta)	Kompaun (RM Juta)	Jumlah Cukai dan Kompaun (RM Juta)	Bilangan Kesalahan Didakwa Di Mahkamah
		Bilangan	%				
2008	27,555	6,793	25	74.96	10.98	85.94	1,721
2007	35,968	7,943	22	94.15	7.15	101.30	2,570

Audit Majikan (Audit PCB)

Program audit majikan (Audit PCB) diadakan serentak dengan pelaksanaan audit cukai. Ia bertujuan memeriksa tahap pematuhan majikan dalam melaksanakan potongan cukai daripada saraan pekerja dan meremittkannya ke LHDNM mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan), 1994.

Daripada 27,555 kes yang diaudit dalam tahun 2008, kadar ketidakpatuhan arahan PCB telah meningkat dari 22% dalam tahun 2007 ke 25%. Manakala kutipan dari cukai kurang dipotong telah menurun sebanyak 20.38% dari RM94.15 juta kepada RM74.96 juta. Sebaliknya kompaun yang dikenakan pula telah meningkat sebanyak 53.57% dari RM7.15 juta kepada RM10.98 juta (Jadual 26).

Siasatan

LHDNM mempergiatkan program penguatkuasaan melalui aktiviti penyiasatan sivil dan jenayah serta perisikan. Bagi memantapkan lagi aktiviti perisikan dan penyiasatan, pegawai-pegawai penyiasat LHDNM dilatih dan didedahkan kepada pelbagai bidang perisikan terutamanya dari segi Perakaunan Forensik, Pindahan Harga, Pengubahan Wang Haram, e-Commerce, Forensik Komputer, dan sebagainya. Di samping itu, untuk memastikan penyiasatan cukai dilaksanakan dengan adil, telus, dan saksama, pegawai-pegawai penyiasat telah melaksanakan tugas siasatan mengikut Rangka Kerja Penyiasatan serta Prosedur dan Arahan Kerja Siasatan Sivil.

• Siasatan Sivil

Bahagian Siasatan Sivil berperanan menjalankan penguatkuasaan melalui siasatan sivil bagi menangani aktiviti pengelakan cukai secara sengaja dan cuai dalam membuat laporan percukaian. Dalam tahun 2008, bilangan kes siasatan yang berjaya diselesaikan adalah sebanyak 648 kes berbanding 755 kes dalam tahun 2007 iaitu penurunan 14.17%. Bagaimanapun, amaun cukai tambahan yang diperoleh hasil daripada penyelesaian kes yang disiasat telah mencatatkan peningkatan 9.38% berbanding tahun sebelumnya, iaitu daripada RM686.43 juta dalam tahun 2007 kepada RM750.83 juta tahun 2008 (Jadual 27).

Di antara faktor yang menyumbang kepada penurunan dalam bilangan penyelesaian kes ialah:

- Tumpuan diberikan untuk menyelesaikan baki kes-kes siasatan yang tertunggak, iaitu kes yang berusia lebih daripada lima tahun dalam tangan sepanjang dua tahun sebelumnya (2006 dan 2007). Ini menyebabkan penurunan dalam pengendalian kes-kes siasatan yang baru; dan
- Tumpuan siasatan kepada kes-kes besar yang melibatkan kumpulan kes-kes syarikat. Kes-kes syarikat telah menyumbang sebanyak 92.41% (RM 693.84 juta) kepada jumlah kutipan dan melibatkan 76.08% (493 kes) daripada jumlah bilangan kes selesai (Jadual 27).

Operasi khas untuk menyelesaikan tunggakan kes siasatan menunjukkan penyelesaian kes sebanyak 83.1% dalam tahun 2008 (Jadual 28).

JADUAL 27: PENYELESAIAN KES PENYIASATAN MENGIKUT JENIS FAIL

Tahun	Selain Syarikat		Syarikat		Jumlah	
	Bil. Kes	Amaun (RM Juta)	Bil. Kes	Amaun (RM Juta)	Bil. Kes	Amaun (RM Juta)
2008	155	56.99	493	693.84	648	750.83
2007	218	108.21	537	578.22	755	686.43

JADUAL 28: PENYELESAIAN KES TUNGGAKAN PENYIASATAN

Tahun	Kes Bawa Hadapan	Kes Selesai	Jumlah Penyelesaian (RM Juta)	Kes Hantar Hadapan	Peratus Penyelesaian
2008	65	54	-	11	83.1
2007	239	174	103.97	65	72.8

- **Siasatan Jenayah**

Siasatan jenayah dilaksanakan untuk menyiasat kegiatan pelarian cukai dan seterusnya mengambil tindakan pendakwaan di mahkamah. Aktiviti siasatan jenayah dimulakan di peringkat Ibu Pejabat dan telah diperluaskan ke peringkat pusat-pusat penyiasatan. Kes-kes kesalahan yang disiasat terdiri daripada kesalahan di bawah Seksyen 113, 114, dan 153 ACP 1967. Sehingga akhir tahun 2008, sebanyak 67 kes telah disiasat berbanding 52 kes sehingga tahun 2007. Daripada jumlah ini, sebanyak 39 kes telah disiasat sehingga akhir tahun 2008 berbanding 32 kes pada tahun 2007. Dalam tahun 2008 sebanyak 22 kes telah didakwa di mahkamah, tiga kes telah dikompaun dan 14 kes telah disabitkan kesalahan (Jadual 29).

- **Perisikan**

Bahagian Perisikan diwujudkan untuk membantu pemilihan kes yang tepat untuk disiasat. Bahagian ini

mengumpulkan maklumat risikan daripada pelbagai sumber seperti agensi Kerajaan dan swasta serta pengaduan awam yang diterima. Daripada 2,088 kes yang telah dirisik dalam tahun 2008, sebanyak 1,615 kes telah dirujuk untuk diambil tindakan lanjutan siasatan sivil, siasatan jenayah, audit, dan lain-lain (Jadual 30).

- **Makmal Forensik**

Bahagian Makmal Forensik memainkan peranan yang amat penting dalam tugas penyiasatan sama ada siasatan sivil atau jenayah. Aktiviti utama makmal ini adalah mengesan dan menganalisis maklumat dalam bentuk elektronik atau dokumen fizikal yang dipadam, dibasmi, dan diubah. Maklumat berkenaan akan dibawa ke mahkamah sebagai barang bukti bagi kes siasatan jenayah dan juga penemuan, peninggalan, dan pengelakan pendapatan bagi kes siasatan sivil.

JADUAL 29: BILANGAN KES SIASATAN JENAYAH

Jenis Tindakan	2008	2007
Disiasat	67	52
Selesai	39	32
Didakwa Di Mahkamah	22	21
Dikompaun	3	3
Disabit Kesalahan	14	14

JADUAL 30: BILANGAN KES PERISIKAN

Kes Risikan	Bil. Dirisik	Bil. Dirujuk
Siasatan Sivil	2,081	1,484
Siasatan Jenayah	5	13
Audit/Lain-lain	2	118

JADUAL 31: LAPORAN STATISTIK BAHAGIAN MAKMAL FORENSIK

Perkara	2008	2007
Bilangan Kes Diambil	48	134
Bilangan Kes Selesai	47	130
Bilangan Media Disemak (Cakera Padat/Disket/Lain-lain)	847	48
Bilangan Kes Dokumen Fizikal	3	4
Bilangan Kes Forensik Elektronik	3	0


Ejen Pemungutan PTPTN

Di samping tugas memungut, menaksir, dan menguatkuasakan ACP 1967 serta akta-akta yang berkaitan, LHDNM juga bertindak sebagai ejen pemungutan Kerajaan yang lain. LHDNM telah dilantik pada 1 Julai 1997 sebagai ejen pemungut bagi pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan mula memungut pada 1 Ogos 1999 untuk mendapatkan bayaran balik pinjaman yang telah diberikan kepada para pelajar.

Dalam tahun 2008, LHDNM telah berjaya memungut sebanyak RM73.83 juta daripada 43,946 peminjam berbanding pungutan RM61.49 juta daripada 37,857 peminjam yang diperolehi dalam tahun 2007. Jumlah pungutan dan bilangan pembayar tersebut mencatatkan peningkatan sebanyak 20.07% dan 16.08% berbanding tahun sebelumnya. Pada keseluruhannya peningkatan jumlah pungutan adalah hasil daripada pertambahan bilangan peminjam yang membuat bayaran balik pinjaman melalui potongan gaji (Jadual 32 dan Rajah 9).

JADUAL 32: JUMLAH PENERIMAAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PTPTN

	2008	2007	Peningkatan	Peratus
Jumlah Pembayar	43,946	37,857	6,089	16.08
Jumlah Pungutan (RM Juta)	73.83	61.49	12.34	20.07



RAJAH 9: PEMUNGUTAN PINJAMAN PTPTN

JARINGAN ANTARABANGSA

Seperti kebanyakan negara-negara lain sama ada negara maju atau negara membangun, Malaysia berusaha melicinkan urusan perdagangan dan pelaburan dengan dunia luar. Tumpuan usaha tersebut adalah terhadap perkembangan perdagangan antarabangsa dalam dasar ekonominya. Seiring dengan hasrat untuk terus mengembangkan dan meliberalisasi perdagangan di peringkat antarabangsa, Malaysia memerlukan mekanisme percukaian yang menarik dan kompetitif dalam urusan perdagangannya dengan seluruh negara rakan dagang.

Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali

Dengan meningkatnya kadar perindustrian dan pelaburan asing secara langsung ke negara ini, maka perjanjian cukai dengan negara-negara lain memainkan peranan untuk memberi kepastian dan jaminan kepada para pelabur asing terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan percukaian.

Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) merupakan perjanjian yang diadakan dengan negara pejanji bagi:

- Mewujudkan suasana yang lebih menggalakkan bagi kemasukan pelaburan asing ke dalam negara;
- Menjadikan galakan cukai yang diberikan oleh Malaysia lebih efektif bagi pembayar cukai dari negara pengeksport modal;
- Meningkatkan pematuhan cukai di kalangan pembayar cukai yang terlibat dalam transaksi tanpa sempadan; dan
- Mencegah pelarian dan pengelakan cukai melalui pertukaran maklumat dalam hal-hal percukaian antara negara pejanji.

PPPDK memberi kepastian dan jaminan kepada para pelabur asing terhadap pencukaian pendapatan yang diperoleh di Malaysia. PPPDK juga menentukan hak mencukai di antara negara pejanji dan memperuntukkan kredit cukai atau pelepasan cukai bagi menghapuskan pencukaian dua kali yang melibatkan pemastautin di kedua-dua negara pejanji.

Sepanjang tahun 2008, sebanyak dua pusingan rundingan telah diadakan dengan kerajaan Turkmenistan dan rundingan dengan lima negara iaitu Cyprus, Ukraine, Slovak, San Marino, dan Senegal. Sehingga 31 Disember 2008, PPPDK yang telah berkuat kuasa meningkat daripada 58 kepada 62 dengan kemasukan negara Chile, Myanmar, Sepanyol, dan Syria dalam senarai PPPDK tersebut.

Jalanan dan Jaringan Kerja Antarabangsa

LHDNM akan terus menjalinkan hubungan baik di peringkat antarabangsa melalui penglibatan dengan pelbagai pertubuhan percukaian yang dianggotainya. Dalam tahun 2008, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM telah dilantik mewakili Malaysia sebagai ahli kepada *Reference Group of Commissioners (RGoC)* bagi *OECD Forum on Tax Administration (FTA)*.

Ahli RGoC terdiri daripada 11 *Commissioners* pentadbiran percukaian negara-negara ahli OECD serta bukan ahli OECD dan Malaysia merupakan ahli tunggal bukan ahli OECD. Selain daripada Malaysia, RGoC juga diwakili oleh Australia, Austria, Belgium, Kanada, Denmark, Ireland, Mexico, New Zealand, Switzerland dan United Kingdom. Tujuan penubuhan RGoC adalah untuk menyelia perkembangan dan kemajuan visi FTA dalam jangka masa lima tahun.

FTA adalah forum percukaian yang dihadiri oleh 35 hingga 45 negara setiap tahun untuk berkongsi maklumat dan pengalaman serta membangunkan amalan terbaik dalam pentadbiran cukai bagi perkhidmatan pembayar cukai dan pematuhan cukai.

Kehadiran Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM di forum tersebut dapat meningkatkan imej Malaysia dan LHDNM khususnya di samping menjalinkan jaringan kerja antarabangsa yang rapat dengan pentadbir cukai luar negara.



LHDNM terlibat secara langsung di peringkat antarabangsa melalui pelbagai pertubuhan percukaian yang dianggotainya



Peserta 29th CATA Technical Conference yang diadakan di Yaounde, Cameroon

LHDNM juga menjalin jaringan kerja dengan pentadbir cukai di luar negara melalui persidangan-persidangan berikut:

29th CATA Technical Conference

29th CATA Technical Conference ini telah diadakan di Yaounde, Cameroon pada 9 hingga 14 November 2008.

Topik-topik perbincangan pada persidangan tersebut adalah:

- *Role of Taxation in Economic Development*
- *Information Technology – Opportunities and Challenges for Tax Administrations*

Dalam persidangan ini juga, Malaysia telah membentangkan kertas kerja bertajuk *Role of IT in Audit Selection Tools and Effective Debt Management*.

Bersempena *29th CATA Technical Conference* ini, Timbalan Ketua Pengarah (Pematuhan) juga telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan CATA (Management Committee Meeting) yang diadakan pada 14 November 2008. Jawatankuasa ini terdiri daripada 14 perwakilan negara ahli CATA termasuk Malaysia. Mesyuarat ini juga telah diadakan di London pada 8 dan 9 Mei 2008 dan Malaysia diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM.

38th SGATAR Meeting dan 5th SGATAR Meeting of Heads of Training Institutions (MHTI)

State Taxation of Administration (SAT) China telah diberi penghormatan untuk menganjurkan *38th SGATAR Meeting* dan juga *5th SGATAR MHTI* yang diadakan pada 4 hingga 6 November 2008 di Guangzhou, China. Persidangan ini telah dihadiri oleh 80 perwakilan daripada 15 ahli-ahli SGATAR.

Ahli-ahli SGATAR terdiri daripada Australia, China, Hong Kong SAR, Indonesia, Jepun, Republik Korea, Macau SAR, Malaysia, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, China Taipei, Thailand, dan Vietnam.

Topik-topik percukaian yang dibincangkan adalah seperti berikut:

- *38th SGATAR Meeting*
 - *Addressing Tax Administration Challenges Posed by Globalisation of Tax Base;*
 - *Improving Tax Compliance Through Better Taxpayer Service; dan*
 - *Case Selection in Tax Audit.*
- *5th SGATAR MHTI*
 - *The Construction of a Longlife Training System*



YBhg Dato' Hasmah binti Abdullah bergambar kenangan bersama Pesuruhjaya dan Timbalan Pesuruhjaya dari negara Indonesia, Hong Kong, Macau, dan Korea Selatan semasa SGATAR Meeting 2008 di China

5th ATAIC Technical Conference 2008

Malaysia juga telah menghadiri *5th ATAIC Technical Conference 2008* di Bali, Indonesia pada 26 hingga 31 Oktober 2008.

Topik perbincangan adalah seperti berikut:

- *The Statute of Association of Tax Authorities of Islamic Countries;*
- *Tax Treatments on Sharia Financial Instruments;* dan
- *Administrative Reforms.*



YBhg Dato' Dr. Mohd Shukor bin Hj. Mahfar, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) LHDNM turut hadir pada 5th ATAIC Technical Conference 2008 di Bali, Indonesia

Dalam *Heads of Delegation Meeting*, Malaysia telah dipilih sebagai penyelaras bagi Jawatankuasa Penggubalan *ATAIC Statute* dan akan bertanggungjawab menyediakan *ATAIC Statute* dalam tiga bahasa iaitu Inggeris, Arab, dan Perancis untuk diluluskan oleh *Heads of Delegation Meeting* bersempena *6th ATAIC Technical Conference* yang akan berlangsung pada tahun 2009.

10th SGATAR Working Level Meeting 2008

Malaysia telah diberi penghormatan untuk menganjur *10th SGATAR Working Level Meeting* yang berlangsung pada 26 hingga 29 Ogos 2008 di Hotel Hilton Kuching, Sarawak. Bagi tujuan ini, Jawatankuasa Penganjuran telah ditubuhkan dan dikelolakan oleh Jabatan Cukai Antarabangsa dengan kerjasama daripada pegawai-pegawai LHDNM Cawangan Kuching yang menganggotai Jawatankuasa Kecil Penganjuran.

Seramai 25 perwakilan (termasuk dua dari Malaysia) yang mewakili 13 daripada 15 ahli-ahli SGATAR telah menghadiri mesyuarat tersebut. Turut mendapat manfaat daripada menghadiri mesyuarat tersebut adalah 10 pemerhati yang terdiri daripada pegawai-pegawai LHDNM dari Cawangan-cawangan dan Pusat-pusat Penyiasatan dan Perisikan Sarawak. Pakar dalam bidang pindahan harga dari OECD

telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam isu-isu semasa pindahan harga dari perspektif OECD.

Tujuan mesyuarat ini adalah sebagai platform untuk ahli-ahli SGATAR bertukar pengalaman dan amalan terbaik berhubung isu-isu semasa percukaian antarabangsa seperti Pindahan Harga, e-Commerce, dan Penentuan Harga Awal.

Mesyuarat telah membincangkan topik-topik berikut:

- *Recent Developments in Transfer Pricing;*
- *Transfer Pricing: Recent Trends and Developments;*
- *Application of Arm's Length Principle to Inter-Company Finance Transactions;*
- *Transfer Pricing of Intangibles Related to Marketing and Manufacturing;*
- *Practical Aspects: Taxation of e-Commerce;*
- *Transfer Pricing: Royalties Project;* dan
- *Transfer Pricing: Malaysia's Perspective.*



Antara ahli SGATAR yang turut menghadiri 10th SGATAR Working Level Meeting di Hotel Hilton, Kuching pada 26 hingga 29 Ogos 2008

Penganjuran mesyuarat *10th SGATAR Working Level Meeting* juga turut dimanfaatkan oleh kerajaan Negeri Sarawak untuk mempromosikan bandar raya Kuching sebagai destinasi pelancongan. Pemilihan bandar raya Kuching sebagai lokasi penganjuran mesyuarat bertaraf antarabangsa ini sangat dialu-alukan oleh pihak kerajaan Negeri Sarawak. Sebagai penghargaan, kerajaan Negeri Sarawak, telah memasukkan penganjuran mesyuarat dalam program sambutan '45 Tahun Sarawak Maju Dalam Malaysia'. Antara program rasmi yang dijalankan sepanjang mesyuarat adalah menikmati makanan tempatan di atas *Sarawak River Cruise* serta mengunjungi *Sarawak Cultural Village*, dan Muzium Negeri Sarawak.

Nota:

- ATAIC** : Association of Tax Authorities of Islamic Countries
CATA : Commonwealth Association of Tax Administrators
OECD : Organisation for Economic Co-operation and Development
SGATAR : Study Group on Asian Tax Administration and Research

PEMBANGUNAN MODAL INSAN



PEMBANGUNAN MODAL INSAN

LHDNM komited terhadap Program Pembangunan Modal Insan dengan objektif melahirkan pegawai yang memiliki ciri-ciri kompeten, profesional, berpengetahuan, mahir, berdisiplin, dan berintegriti. Justeru, program pembangunan sumber manusia diberi perhatian dan keutamaan. Program latihan dirancang dan dilaksanakan agar pegawai berkeupayaan menjalankan tugas selaras dengan perubahan dan keperluan semasa. Pelbagai program latihan dikendalikan oleh tenaga pengajar berkeelayakan di beberapa pusat latihan LHDNM seperti berikut:

- Akademi Percukaian Malaysia (APM);
- Pusat Latihan Siasatan (PLAS);
- Pusat Latihan Audit (PULADIT);
- Pusat Latihan Duti Setem (PULATEM); dan
- Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Pentadbiran.

Selain memperkasa program latihan dalaman, LHDNM turut mengikuti perkembangan amalan percukaian pentadbir cukai negara lain sebagai panduan dalam menetapkan tanda aras tahap keupayaan serta pengetahuan cukai pegawai LHDNM. Latihan peningkatan kecekapan dan kemahiran teras seperti melakukan auditan, siasatan, dan khidmat pelanggan turut diutamakan. Amalan terbaik dalam isu percukaian terkini khususnya isu audit, siasatan jenayah, pindahan harga dan penentuan harga awal, perdagangan elektronik, perdagangan merentas sempadan, latihan forensik kewangan, latihan perolehan bukti digital, penguatkuasaan cukai, dan lain-lain diberi perhatian. Bagi tujuan itu, LHDNM mendapatkan khidmat pakar dari luar negara untuk melatih pegawai LHDNM melalui kerjasama dalam bidang latihan dengan organisasi luar negara seperti berikut:



Pusat Latihan Akademi Percukaian Malaysia di Bangi, Selangor

- *Organisation For Economic Co-operation and Development (OECD);*
- *The Commonwealth Association of Tax Administrators (CATA);*
- *Study Group on Asian Tax Administration and Research (SGATAR);*
- *International Bureau of Fiscal Documentation (IBFD);*
- *Asian Development Bank Institute (ADBI);*
- *Japan International Cooperation Agency (JICA);* dan
- *Federal Law Enforcement Training Center (FLETC).*

LHDNM juga mengadakan latihan secara usaha sama dengan beberapa organisasi dalam negara seperti Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia dan program pendidikan dalam perkhidmatan untuk pegawai LHDNM dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA (UiTM).



Kursus Induksi adalah antara program latihan yang perlu dihadiri oleh pegawai-pegawai baru LHDNM



Kursus teknikal audit meja dapat meningkatkan kemahiran dan kecekapan pegawai LHDNM

Bagi mencapai wawasan LHDNM, pegawai yang mempunyai minda yang terbuka, komited, kompeten, inovatif, dan berdaya saing adalah diperlukan dalam menjalankan tugas mengikut fungsi yang ditetapkan. Ini adalah bagi memastikan *outcome* yang ditetapkan dapat dicapai secara optimum. Oleh itu, program pengambilan terus dilaksanakan selaras dengan keperluan perjawatan bagi meningkatkan sasaran yang ditetapkan. Pada tahun 2008, seramai 1,006 orang pegawai telah dilantik mengisi kekosongan pelbagai gred jawatan. Profil sumber manusia di LHDNM sehingga 31 Disember 2008 seperti di Jadual 33 dan 34.



Latihan fizikal yang dijalani pegawai-pegawai LHDNM dapat meningkatkan daya saing di kalangan mereka



Pelbagai peringkat pegawai dan staf LHDNM

JADUAL 33: PROFIL PERJAWATAN, PENGISIAN DAN KEKOSONGAN JAWATAN MENGIKUT KATEGORI

Kategori	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
Pengurusan	2,643	2,245	398
Penaksiran	6,491	6,038	453
Pungutan	1,009	919	90
Penyiasatan	414	374	40
Jumlah Perjawatan	10,557	9,576	981

JADUAL 34: PROFIL PENGISIAN PEGAWAI MENGIKUT KATEGORI

Gred	Jumlah Jawatan	Jumlah Pengisian Mengikut Kategori							Jumlah Pengisian
		Pengurusan Tertinggi	Penaksiran	Perundangan	Teknologi Maklumat	Perakaunan	Pentadbiran	Jawatan Kumpulan	
1 - 4	23	23	-	-	-	-	-	-	23
5	58	-	39	4	6	3	5	2	59
6	396	-	329	14	20	10	16	8	397
7	2,842	-	2,426	54	93	26	65	30	2,694
8 - 9	1,565	-	1,169	2	73	46	69	1	1,360
10 - 16	5,673	-	1,178	-	524	198	3,142	1	5,043
Jumlah	10,557	23	5,141	74	716	283	3,297	42	9,576

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN



PROGRAM KUALITI DAN PENCAPAIAN

Antara fokus dan pencapaian Program Kualiti untuk tahun 2008 adalah seperti berikut:

Hari Kualiti LHDNM Tahun 2008

Sambutan Hari Kualiti LHDNM Tahun 2008 dengan slogan 'Integriti Teras Kualiti' telah diadakan secara serentak pada 23 Oktober 2008 di semua cawangan LHDNM. Buat julung kalinya, Sambutan Hari Kualiti Bersama Ketua Pegawai Eksekutif telah diperkenalkan dan diadakan secara giliran. Pelbagai aktiviti telah diadakan di peringkat cawangan dan Ibu Pejabat seperti ceramah kualiti, pertandingan kebersihan, kuiz, pidato, dikir barat, lawatan kualiti, pemeriksaan kesihatan, senamrobik, dan penyampaian anugerah kualiti dalam kategori-kategori tertentu.



Penyampaian anugerah kualiti oleh Encik Che Omar bin A. Rahaman, Timbalan Ketua Pengarah (Pematuhan) LHDNM

Pensijilan MS ISO 9001 : 2000

Sebagai usaha berterusan dalam mengamalkan sistem pengurusan kualiti, LHDNM sedang giat dalam proses untuk mendapatkan Pensijilan MS ISO 9001:2000 Pengurusan Bayaran Balik e-B/ e-BE dan juga Pelaksanaan Audit Luar Kes Syarikat. Beberapa

siri Taklimat dan Bengkel Pengenalan ISO dan Pengauditan kepada Cawangan-cawangan Pelaksana telah dilaksanakan bagi tujuan tersebut. Setakat ini, LHDNM telah mendapat beberapa Pensijilan MS ISO 9001: 2000 bagi skop-skop berikut:

- Penaksiran dan Pemungutan Cukai Keuntungan Harta Tanah dan Duti Setem;
- Pengurusan dan Pengendalian Program Latihan merangkumi pembangunan reka bentuk program latihan dan proses sokongan berkaitan; dan
- Pengurusan Sumber Manusia merangkumi perjawatan, pemantauan prestasi, kenaikan pangkat, perletakan jawatan, persaraan, latihan, dan tatatertib.

Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama

LHDNM memfokuskan pengukuran Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama [Key Performance Indicator (KPI)] bagi proses-proses utama iaitu pengauditan, perkhidmatan kaunter, dan pembesaran asas cukai. Sebagai permulaan, cawangan-cawangan di Lembah Klang telah dipilih dan antara yang terlibat termasuklah Cawangan Cukai Korporat, Wangsa Maju, Cheras, Kuala Lumpur Bandar, Pungutan Kuala Lumpur, Petaling Jaya, dan Penaksiran Jalan Duta.

Amalan 5S

Garis Panduan Amalan 5S telah disediakan dan dalam proses semakan terakhir sebelum dijadikan rujukan bagi keseluruhan LHDNM. Setakat ini, Jabatan Pentadbiran dan Jabatan Siasatan LHDNM telah berjaya memperoleh pensijilan Amalan 5S daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia.



Anugerah berupa piala dan sijil Amalan 5S yang diperolehi oleh LHDNM daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia

Lawatan Kualiti

Lawatan Kualiti diadakan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan di samping sebagai penandaarasan untuk mempelajari amalan-amalan terbaik dari organisasi yang sama atau organisasi lain. Sebanyak enam permohonan lawatan dari Jabatan/Cawangan yang telah diluluskan sepanjang tahun 2008.

Anugerah Kualiti

LHDNM telah menerima pelbagai pelawaan bagi pencalonan Anugerah-anugerah Kualiti. Dalam tahun 2008, LHDNM menyertai Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (AIPA) 2008 bagi Cetakan Digital Borang Nyata, Anugerah Inovasi Antarabangsa CAPAM (AIAC) 2008 bagi *e-Filing of Tax Return Forms*, dan *Asia's Government Technology Awards 2008* bagi *Roaming Public Key Infrastructure (PKI) for e-Filing System*.

Anugerah Amalan Berkualiti 5S Kebangsaan 2008

Jabatan Pentadbiran LHDNM telah memenangi Anugerah Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Peringkat Kebangsaan bagi Kategori Sektor Awam yang dianjurkan oleh Perbadanan Produktiviti

Malaysia. Kemenangan ini telah diumumkan di Konvensyen Persekitaran Berkualiti 5S Peringkat Kebangsaan 2008 pada 29 Oktober 2008. Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan kepada warga Jabatan Pentadbiran khususnya dan warga LHDNM amnya, di atas usaha kerja bagi memastikan Amalan 5S dipraktikkan di dalam tugas harian.

Best Green Strategy for a Data Center Gold Award

Projek *Server Consolidation/Virtualization* yang dibangunkan oleh Jabatan Teknologi Maklumat LHDNM telah memenangi *Best Green Strategy for a Data Center Gold Award* dalam *Hitachi Data Systems Asia Pacific IT Inspiration Awards 2008* yang telah diadakan di Cebu, Filipina pada 5 hingga 7 November 2008.

Penganugerahan tersebut adalah hasil usaha strategik pihak *Hitachi Data Systems* dalam mengiktiraf sumbangan syarikat-syarikat yang telah berjaya menjadikan teknologi maklumat sebagai kunci utama bagi menggerakkan aktiviti perniagaan masing-masing. Selain itu majlis anugerah tersebut juga bertujuan untuk menghargai semangat reka cipta dan inspirasi yang dicetus oleh pengusaha teknologi maklumat di rantau Asia Pasifik.



Sebahagian warga LHDNM bergambar kenangan bersama Timbalan Ketua Pengarah (Pematuhan) LHDNM sempena kemenangan anugerah pada Konvensyen Persekitaran Berkualiti 5S Peringkat Kebangsaan 2008

PANDANGAN PELANGGAN



Dr. Veerinderjeet Singh
Pengarah Urusan
TAXAND Malaysia Sdn Bhd

"LHDNM telah mengambil langkah proaktif dengan melibatkan pakar percukaian dalam mencari cara dan kaedah untuk meningkatkan sistem penyampaian dari segi reka bentuk, kebolehcapaian dan kaedah memfailkan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP).

Penambahbaikan kaedah e-Filing dalam memfailkan BNCP merupakan satu langkah yang sangat penting. Dengan usaha yang berterusan, kecekapan proses tersebut pasti akan dipertingkatkan kerana ia memudahkan pembayar cukai dan juga ejen cukai."

Puan Ashimah binti Ahmad
Pengetua
SMK Lembah Subang
Kelana Jaya



"LHDNM telah mengambil langkah konstruktif dan proaktif dalam mendidik orang awam tentang peranan yang perlu dimainkan untuk pengagihan saksama pendapatan negara. Langkah pendedahan awal di peringkat sekolah lagi tentang LHDNM melalui Pertandingan Pidato Hasil, sedikit sebanyak dapat meningkatkan pengetahuan percukaian di kalangan pelajar-pelajar sekolah yang akan menjadi peneraju utama negara di masa hadapan."



John Tay
Pengarah Urusan
One IT Store

"Saya berpendapat bahawa fungsi LHDNM adalah untuk menjamin kesejahteraan dan mengekalkan taraf hidup rakyat Malaysia. Contohnya, LHDNM telah melaksanakan langkah-langkah untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah. Selain daripada itu, LHDNM juga berfungsi untuk memajukan negara. LHDNM adalah satu agensi Kerajaan yang sangat penting di Malaysia."

Puan Hamisah binti Hamid
Wartawan
Business Times,
News Straits Times



"Sistem e-Filing boleh dikatakan kejayaan terbesar LHDNM. Dengan usaha berterusan yang dijalankan dalam meningkatkan kesedaran orang awam mengenai e-Filing, dipercayai lebih ramai orang akan menggunakan perkhidmatan tersebut."

Ramai wartawan telah mendapat manfaat daripada bengkel percukaian yang diselenggarakan oleh LHDNM setiap tahun. Ini memudahkan LHDNM menyebarkan maklumat kepada rakyat Malaysia melalui media massa. LHDNM kini di atas landasan yang betul untuk meningkatkan kadar pematuhan cukai ke tahap negara-negara membangun dan seterusnya meningkatkan jumlah kutipan cukai melalui pematuhan cukai yang tinggi serta sistem yang efisien."



Puan Achamma George
Jururawat Terlatih
PPUM, Kuala Lumpur

"Saya telah mengunjungi kaunter LHDNM beberapa kali bagi menyelesaikan permasalahan cukai dan mengemukakan borang-borang cukai pendapatan bagi tahun 2006, 2007 dan 2008 untuk diri saya dan suami. Setakat ini, semua pegawai di kaunter banyak membantu dan memberikan maklumat yang jelas. Saya dapati sistem e-Filing yang dibangunkan adalah cepat dan efisien. Di masa hadapan, saya akan terus menggunakan sistem e-Filing."

Puan Chindarahadineh binti Jinti
Pegawai Bank
RHB Bank Berhad



"Dengan wujudnya sistem e-Filing, LHDNM telah mampu memberi impak yang besar kepada kutipan sumber pendapatan dan penjana ekonomi kerana maklumat pendapatan yang diperolehi daripada pembayar cukai menjadi lebih cepat, teratur, tepat, dan mudah.

Sistem ini memberi keselesaan dan kemudahan kepada pelanggan LHDNM kerana pelanggan boleh membuat pengisytiharan pendapatan secara maya dan tidak terikat untuk hadir sendiri ke pejabat LHDNM bagi maksud tersebut.

Selaras dengan peningkatan penggunaan sistem teknologi maklumat dalam agensi Kerajaan, LHDNM telah menunjukkan kemampuan bersaing yang hebat berbanding agensi lain dalam menjadi penyumbang ulung pendapatan ekonomi negara."

ANALISIS PENILAIAN PENCAPAIAN PRESTASI 2008 BERDASARKAN PROGRAM UTAMA



PROGRAM PUNGUTAN

Bil.	Program	Sasaran	Pencapaian
i.	Unjuran Kasar Cukai Langsung 2008 • LHDNM • Perbendaharaan	• RM85,000 juta • RM82,579 juta	} RM90,651 juta
ii.	Unjuran Bersih Cukai Langsung 2008 • LHDNM • Perbendaharaan	• RM80,000 juta • RM77,579 juta	} RM82,091 juta
iii.	Tunggakan Hasil	- Pengurangan sebanyak 20% atas cukai tertunggak bagi fail C dan CS 20% x RM7,200 juta = RM1,440 juta - Pengurangan sebanyak 30% atas cukai tertunggak bagi fail C dan CS 30% x RM5,402 juta = RM1,621 juta	- Pencapaian untuk fail C dan CS adalah pengurangan sebanyak RM2,869 juta (39.7%) kepada RM4,356 juta - Pencapaian untuk fail selain C dan CS adalah penambahan sebanyak RM40 juta (0.74%) kepada RM5,442 juta Pencapaian keseluruhan bagi tahun 2008 adalah pengurangan sebanyak RM2,829 juta (22.4%) kepada RM9,798 juta
iv.	Pembayaran Balik	- Mengambil tindakan bayaran balik e-Filing dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh borang lengkap dan teratur diterima - Mengambil tindakan bayaran balik BNCP (manual) dalam tempoh 90 hari bekerja dari tarikh borang lengkap dan teratur diterima	558,951 kes selesai - RM8,559.69 juta
v.	Komponen Cukai: • Syarikat • Petroleum • Individu • Koperasi • Duti Setem • CKHT • Cukai Pegangan • IOFC • Cukai-cukai Lain*	RM39,492.07 juta RM25,228.41 juta RM15,164.41 juta RM166.04 juta RM3,549.55 juta - RM1,360.68 juta RM12.54 juta RM26.10 juta	RM46,902.04 juta (118.76%) RM24,191.04 juta (95.89%) RM14,346.52 juta (94.61%) RM204.65 juta (123.25%) RM3,501.88 juta (98.66%) RM110.37 juta RM1,354.11 juta (99.52%) RM16.58 juta (132.22%) RM23.71 juta (90.84%)

* Cukai-cukai lain merangkumi bayaran kompaun (Seksyen 124 ACP 1967), bayaran mahkamah, faedah dari baki wang dalam bank, hasil guaman, dan ganti rugi perkhidmatan.

PROGRAM PEMBELAJARAN CUKAI

Bil.	Program	Sasaran	Pencapaian
i.	Program Pendidikan STS/e-Filing	i. 3 kali seminggu sepanjang tahun ii. Sasaran bagi pembayar cukai individu adalah 8% daripada fail pembayar cukai individu yang aktif di cawangan. Bilangan fail aktif individu 4,589,116 orang x 8% = 367,129 orang	i. Bilangan taklimat yang diadakan dalam tahun 2008 adalah 5,637 kali ii. Bilangan peserta yang menghadiri taklimat adalah seramai 389,191 orang
ii.	Program Khidmat Sokongan Peniaga (KSP)	i. Bilangan taklimat 2 kali sebulan x 36 cawangan x 12 bulan = 864 kali setahun ii. Bilangan peserta taklimat sekurang-kurangnya 10 orang dalam satu taklimat 864 taklimat x 10 orang = 8,640 orang	i. Bilangan taklimat yang diadakan dalam tahun 2008 adalah 1,347 kali ii. Bilangan peserta yang telah diberi taklimat adalah seramai 10,493 orang

Bil.	Program	Sasaran	Pencapaian
i.	Pegawai Perhubungan Cukai (TRO)	Tiada	Seramai 5,761 orang telah dilantik
ii.	Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai (BPPC)	Tiada	i. Bilangan kaunter luar pejabat sebanyak 6,340 kaunter ii. Bilangan pengunjung seramai 721,833 orang iii. BNCP diterima sebanyak 95,394 borang iv. Permohonan pendaftaran fail baru sebanyak 28,202 pembayar cukai v. Permohonan BNCP sebanyak 84,125 borang vi. e-Filing sebanyak 332,143 pengguna
iii.	Pertandingan Pidato Hasil	Tiada	Bilangan peserta seramai 11,298 orang
iv.	Kaunter Setempat/ Kaunter Perkhidmatan	Tiada	1,673,781 orang

PROGRAM AUDIT CUKAI DAN BANCIS BISNES

Bil.	Program	Sasaran	Pencapaian
i.	Audit Luar		
	a) Syarikat	Purata kes diselesaikan oleh pegawai audit - sebanyak 10 kes setahun	Purata kes diselesaikan oleh pegawai audit-sebanyak 7.5 kes setahun
	b) Selain Syarikat	Purata kes diselesaikan oleh pegawai audit - sebanyak 13 kes setahun	Purata kes diselesaikan oleh pegawai audit-sebanyak 12.6 kes setahun Pada tahun 2008, jumlah kes diaudit dan diselesaikan telah meningkat ke 13,985 kes dan 8,459 kes iaitu suatu lonjakan sebanyak 118% dan 23% masing-masing berbanding tahun 2007 Jumlah kutipan melalui aktiviti ini telah menurun dari RM745.49 juta dalam tahun 2007 ke RM631.58 juta dalam tahun 2008 Penurunan ini adalah kerana terdapat antara kes-kes yang diaudit, termasuk kes yang telah melaporkan kerugian. Menerusi aktiviti audit luar yang dijalankan, tuntutan kerugian tersebut telah berjaya dikurangkan dan menyebabkan penjimatan cukai sejumlah RM325.19 juta bagi kes syarikat dan RM3 juta bagi kes bukan syarikat
ii.	Audit Meja		
	a) Syarikat	Purata kes diselesaikan oleh pegawai audit - sebanyak 350 kes setahun	Purata kes diselesaikan oleh pegawai audit-sebanyak 80.5 kes setahun
	b) Selain Syarikat	Purata kes diselesaikan oleh pegawai audit - sebanyak 1,500 setahun	Purata kes diselesaikan oleh pegawai audit-sebanyak 1,377 kes setahun Pada tahun 2008, bilangan kes selesai diaudit serta amaun dikutip telah meningkat ke 1,044,480 kes dan RM1,065.58 juta iaitu suatu peningkatan sebanyak 284% dan 60% berbanding tahun 2007
iii.	Audit Potongan Cukai Berjadual (PCB)	15% atas bilangan fail majikan aktif [Bilangan Borang Majikan(E) tahun saraan 2007 yang dikeluarkan] 314,207 borang x 15% = 47,131 fail	Bilangan majikan yang diaudit pada tahun 2008 adalah 27,555 (54.46% daripada jumlah 47,131 fail yang patut diaudit)
iv.	Lawatan Banci Bisnes	Tiada	Sebanyak 36,438 premis telah dilawati

PROGRAM SIASATAN

Bil.	Program	Sasaran	Pencapaian
i.	Siasatan Sipil	Purata kes diselesaikan oleh seorang pegawai penyiasat sivil – sebanyak empat kes setahun	Purata kes diselesaikan oleh seorang pegawai penyiasat sivil – sebanyak tiga kes setahun Pada tahun 2008 bilangan kes yang disasarkan tidak dapat dicapai berdasarkan beberapa faktor antaranya disebabkan pertambahan pegawai-pegawai baru dan tiada pengalaman kerja penyiasatan Bagaimanapun, amaun cukai tambahan yang diperolehi hasil daripada penyelesaian kes yang disiasat telah mencatatkan peningkatan 9.38% berbanding tahun sebelumnya, iaitu daripada RM686.43 juta dalam tahun 2007 kepada RM750.83 juta tahun 2008

PROGRAM LATIHAN

Bil.	Pusat Latihan	Kursus Dirancang	Kursus Dilaksanakan	Peratus Perubahan
i.	Pusat Latihan Akaun dan Audit	42	45	107.14
ii.	Pusat Latihan Undang-Undang	14	13	92.86
iii.	Pusat Latihan Siasatan	14	29	207.14
iv.	Pusat Latihan Pengurusan	89	72	80.90
v.	Pusat Latihan Antarabangsa & Pembelajaran Cukai	19	21	110.53
vi.	Pusat Latihan & Pembangunan ICT	21	25	119.05
vii.	Pusat Latihan Duti Setem	15	13	86.67
Jumlah		214	218	101.87

PERANCANGAN MASA HADAPAN



PERANCANGAN MASA HADAPAN

Perancangan masa hadapan LHDNM adalah berkait rapat dengan usaha untuk mencapai matlamat organisasi iaitu memastikan penyampaian perkhidmatan percukaian adalah berkualiti dan berkesan. Matlamat ini juga memberi tumpuan kepada usaha menggalakkan pematuhan cukai secara sukarela di kalangan masyarakat. Dalam persekitaran masa hadapan, usaha LHDNM ini akan dipengaruhi cabaran faktor seperti perubahan globalisasi, amalan penyampaian perkhidmatan terbaik mengikut standard global, inovasi melalui kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi, tadbir urus yang cekap dan berkesan, serta keperluan melahirkan tahap profesionalisme dan integriti tinggi di kalangan pegawai.

Oleh itu, LHDNM akan membangunkan pelan pengurusan masa hadapan untuk meningkatkan keupayaan menjayakan matlamat organisasi. Pelan ini melibatkan budaya korporat LHDNM yang diperkemas secara penjenamaan semula visi, misi, slogan, moto perkhidmatan, serta dasar kualiti LHDNM. Sejajar dengan langkah mencapai visi dan misi yang ditetapkan, lima matlamat strategik berikut dikenalpasti:

Matlamat 1

Memungut jumlah cukai yang sepatutnya secara adil dan saksama

Matlamat 2

Menanamkan kepercayaan orang awam terhadap keadilan dan keunggulan pentadbiran sistem percukaian

Matlamat 3

Memperluaskan asas cukai

Matlamat 4

Meningkatkan kecekapan sistem dan prosedur kerja selaras dengan keperluan semasa

Matlamat 5

Melahirkan modal insan yang kompeten, profesional, berintegriti dan berdedikasi.

Matlamat LHDNM akan diperkukuhkan dengan empat teras strategik berikut. Setiap teras akan melaksanakan beberapa langkah strategik yang dirancang rapi agar cabaran masa hadapan dapat ditangani dengan lebih cekap.

Pengukuhan Keupayaan Organisasi

Untuk memperkukuhkan keupayaan LHDNM, elemen yang diberi fokus penting adalah:

- Kesesuaian pekerja dengan tugas yang dijalankan (*job person match*)
- Pembangunan kepakaran
- Kemajuan kerjaya
- Penyelidikan dan pembangunan
- Penyelidikan berkaitan *tax shelter scheme*
- *Talent Management*
- *Succession Planning*
- *Business Continuity Plan* (BCP)
- Tenaga kerja berintegriti tinggi
- Pengenalan cukai baru
- *e-Commerce*

Kecemerlangan Operasi dan Perkhidmatan

Di bawah teras strategik ini, fokus adalah untuk:

- Melaksanakan *Integrated Information/ Knowledge Management*
- Menambah baik proses utama berhubung pengesanan/pengumpulan data serta audit
- Meningkatkan proses berfokuskan pelanggan
- Meningkatkan kualiti serta perkhidmatan yang memberi nilai tambah
- Meningkatkan proses pengumpulan maklumat untuk sumber Gudang Data
- Memperkasakan penggunaan *HR Technology Enabled Tools* demi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan
- Menguruskan hartanah/aset untuk memastikan persekitaran kerja yang kondusif kepada pekerja dan menyediakan kemudahan untuk pelanggan

Memperluaskan Asas Cukai/ Merapatkan Jurang Cukai

Sebagai usaha meningkatkan keyakinan umum terhadap sistem penyampaian perkhidmatan LHDNM, langkah berikut akan dilaksanakan:

- Meningkatkan asas cukai/mengekalkan asas cukai yang menyumbang kepada 80% daripada hasil
- Memperluaskan asas cukai
- Mengurangkan kerugian cukai
- Menambah baik cukai sedia ada
- Melaksanakan penjenamaan korporat
- Meneruskan program komunikasi dan pendidikan cukai
- Melaksanakan pendakwaan dan siasatan jenayah
- Meningkatkan pematuhan
- Memberi fokus kepada *Small Medium Enterprise* (SME)/perkongsi dan perniagaan pemilik tunggal

Meningkatkan Kutipan Cukai Langsung

Di bawah teras ini, strategi pelaksanaan akan melibatkan usaha untuk:

- Merapatkan peratusan jurang cukai
- Meningkatkan tahap kecekapan operasi
- Mengurangkan/menghapuskan tunggakan cukai

Setiap strategi di bawah perancangan masa hadapan LHDNM akan diikuti program pelaksanaan masing-

masing. Sebagai tindakan mengukur dan menilai pencapaian matlamat yang ditetapkan, LHDNM juga akan memperkenalkan Petunjuk Prestasi Utama/ *Key Performance Indicator* (KPI) bermula pada tahun 2009 untuk dijadikan kayu pengukur dan petunjuk prestasi LHDNM. Penetapan KPI ini akan memberi fokus kepada proses utama yang berkait secara langsung dengan matlamat strategik LHDNM. KPI yang akan dilaksanakan adalah langkah yang tepat untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti masa hadapan serta dijadikan landasan untuk meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan kepada rakyat.



Lima matlamat strategik untuk mencapai visi dan misi yang ditetapkan dalam pelan pengurusan masa hadapan

DIARI HASIL



Revenue Games Malaysia-Singapore 2008

KUANTAN (18 Januari 2008)

YBhg Dato' Hasmah binti Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM mengetuai pasukan golf LHDNM bergambar kenangan bersama Encik Lee Kim Poo, *Commissioner of Inland Revenue Authority of Singapore (IRAS)* semasa *Revenue Games Malaysia-Singapore 2008*.



Pelancaran Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai (BPPC) 2008

KUALA LUMPUR (4 Mac 2008)

Pegawai LHDNM sedang menyampaikan penerangan berhubung dengan perkhidmatan e-Filing kepada YBhg Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada Majlis Pelancaran BPPC 2008 di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.



Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Cawangan Petaling Jaya

PETALING JAYA (8 April 2008)

YBhg Dato' Hasmah berkesempatan beramah mesra dengan pembayar cukai pada Majlis Hari Bersama Pelanggan dan Pelancaran Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai (BPPC) Peringkat Negeri Selangor sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Cawangan Petaling Jaya.



Kaunter Perkhidmatan Pembayar Cukai (BPPC) 2008

PANDAN INDAH (30 April 2008)

Pegawai LHDNM sedang membantu pembayar cukai menggunakan kemudahan e-Filing di kaunter BPPC yang dibuka di Jabatan Pemprosesan Maklumat, Pandan Indah.



Majlis Pelancaran Pembinaan Bangunan LHDNM Cawangan Sandakan

SANDAKAN (21 Jun 2008)

YAB Datuk Seri Panglima Musa bin Haji Aman, Ketua Menteri Sabah sedang menyampaikan ucapan perasmian pada Majlis Pelancaran Pembinaan Bangunan LHDNM Cawangan Sandakan.



Majlis Taklimat Bajet 2009

KUALA LUMPUR (30 Ogos 2008)

Pegawai LHDNM melafazkan ikrar di Majlis Taklimat Bajet 2009 yang diadakan di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.



Pidato Hasil 2008 Peringkat Kebangsaan

PUTRAJAYA (5 Ogos 2008)

Para peserta pidato dan guru pengiring bergambar kenangan bersama YB Dato' Kong Cho Ha, Timbalan Menteri Kewangan Malaysia dan YBhg Dato' Hasmah di akhir pertandingan.



Perbarisan Hari Kebangsaan 2008

KOTA KINABALU (31 Ogos 2008)

Kontinjen LHDNM Cawangan Sandakan yang telah memenangi tempat kedua Pertandingan Kawad Merdeka Kali Ke-51 Peringkat Negeri Sabah.



Majlis Rumah Terbuka Ibu Pejabat LHDNM

JALAN DUTA (21 Oktober 2008)

YBhg Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz hadir sebagai tetamu kehormat diraikan oleh YBhg Dato' Hasmah dan Timbalan-timbalan Ketua Pengarah LHDNM.



Anugerah Amalan Persekitaran Berkualiti (5S)

SUBANG JAYA (29 Oktober 2008)

Encik Che Omar bin A. Rahaman, Timbalan Ketua Pengarah (Pematuhan), mewakili Jabatan Pentadbiran LHDNM menerima Anugerah Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) daripada YBhg Dato' Nik Zainiah binti Nik Abdul Rahmat, Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia.



Sambutan Hari Kualiti 2008 Peringkat LHDNM Ibu Pejabat

JALAN DUTA (23 Oktober 2008)

Penyampaian Anugerah Kualiti Pensijilan MS ISO 9001:2000 oleh Encik Che Omar kepada Puan Noor Azian binti Abdul Hamid, Pengarah Akademi Percukaian Malaysia sambil diperhatikan oleh YBhg Dato' Dr. Mohd Shukor bin Haji Mahfar, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) LHDNM.



Majlis Pecah Tanah Akademi Percukaian Malaysia Sarawak

KUCHING (12 Disember 2008)

YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud, Ketua Menteri Sarawak diiringi oleh YBhg Dato' Hasmah melawat ruang pameran pada majlis perasmian tersebut.



PENYATA KEWANGAN





SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara semak uji dan bagi memastikan ketepatan angka dan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia pada 31 Disember 2008 serta hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.


(**TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG**)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
5 OGOS 2009



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Lembaga


Kami **TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH** dan **DATO' MOHD. SALLEH BIN MAHMUD** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Lembaga **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA** pada 31 Disember 2008 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH
PENGERUSI
28 April 2009

Kuala Lumpur



DATO' MOHD. SALLEH BIN MAHMUD
ANGGOTA LEMBAGA
28 April 2009

Kuala Lumpur

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(Ditubuhkan Mengikut AKTA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1995)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Saya, **ZAKARIA BIN A. SAMAD**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di Kuala Lumpur
Pada 27 April 2009

)
)
)



ZAKARIA BIN A. SAMAD

Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH
TEOH AI SUAN
PESURUH JAYA SUMPAH
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
KUALA LUMPUR

LEMBARAN IMBANGAN

PADA 31 DISEMBER 2008

	Nota	2008 RM	2007 RM
HARTANAH, LOJI, DAN PERALATAN	3	815,435,609	553,369,700
PINJAMAN KEPADA KAKITANGAN	4	795,077	1,414,188
		816,230,686	554,783,888
ASET SEMASA			
Pinjaman Kepada Kakitangan	4	945,061	1,255,682
Wang Cagaran dan Prabayar	5	3,701,950	2,958,780
Bayaran Pendahuluan	6	17,922,441	3,787,856
Pelbagai Penghutang	7	168,360	143,949
Stok/Inventori		-	1,877,414
Faedah Terakru Pelaburan		308,175	592,767
Simpanan Tetap dan Pelaburan Jangka Pendek	8	292,575,000	181,000,000
Wang Tunai dan Baki Bank		8,566,797	4,717,259
JUMLAH ASET SEMASA		324,187,784	196,333,707
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Pemiutang	9	164,728,963	123,981,472
Pinjaman Berjangka	10	48,297,421	26,237,500
Peruntukan Yuran Audit		80,000	70,400
Peruntukan Hutang Ragu/Hapuskira		100,344	96,087
Deposit	11	7,744,441	7,824,757
JUMLAH LIABILITI SEMASA		220,951,169	158,210,216
ASET SEMASA BERSIH		103,236,615	38,123,491
JUMLAH ASET BERSIH		919,467,301	592,907,379
DIBIYAI OLEH:			
Kumpulan Wang Pembangunan	12	472,105,290	271,722,679
Kumpulan Wang Amanah	13	2,758,992	2,258,752
Kumpulan Wang Lain	14	36,000,000	36,000,000
Rezab Penilaian Aset		36,877,826	36,877,826
Lebihan Terkumpul	15	186,840,881	176,624,163
		734,582,989	523,483,420
LIABILITI JANGKA PANJANG			
Pinjaman Berjangka	10	184,884,312	69,423,959
		919,467,301	592,907,379

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2008

	Nota	2008 RM	2007 RM
Hasil	16	1,063,386,592	842,733,039
Pendapatan Operasi Lain		458,091	110,609
Kos Kakitangan	17	(644,942,859)	(602,303,774)
Susutnilai/Rosotnilai Hartanah, Loji dan Peralatan		(38,310,071)	(51,032,988)
Perbelanjaan Operasi Lain		(363,921,911)	(235,054,533)
Lebihan/(Kurangan) Daripada Operasi		16,669,842	(45,547,647)
Kos Kewangan		(13,841,938)	(6,895,349)
Pendapatan Dari Pelaburan dan Pinjaman		7,388,814	7,623,234
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Tahun Semasa		10,216,718	(44,819,762)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Amanah RM	Kumpulan Wang Lain RM	Rezab Penilaian Aset RM	Lebih/ (Kurangan) Terkumpul RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2007	158,066,329	1,710,934	36,000,000	-	221,443,925	417,221,188
Lebih/ (Kurangan) Semasa	113,656,350	547,818	-	-	(44,819,762)	69,384,406
Penilaian Tanah	-	-	-	8,093,696	-	8,093,696
Penilaian Bangunan	-	-	-	28,784,130	-	28,784,130
Baki pada 31 Disember 2007	271,722,679	2,258,752	36,000,000	36,877,826	176,624,163	523,483,420
Lebih/ (Kurangan) Semasa	200,382,611	500,240	-	-	10,216,718	211,099,569
Penilaian Tanah	-	-	-	-	-	-
Penilaian Bangunan	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2008	472,105,290	2,758,992	36,000,000	36,877,826	186,840,881	734,582,989

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	Nota	2008 RM	2007 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Terimaan Pemberian Kerajaan Persekutuan dan Pendapatan Lain	18	1,036,530,040	813,511,655
Bayaran Kepada Pembekal dan Kakitangan	19	(966,028,591)	(779,903,898)
TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI OPERASI		70,501,449	33,607,757
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian Hartanah, Loji, dan Peralatan		(248,627,732)	(179,730,919)
Terimaan Daripada Pelupusan Hartanah, Loji, dan Peralatan		248,906	154,680
Pendapatan Dari Pelaburan dan Pinjaman		7,673,406	7,857,360
TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PELABURAN		(240,705,420)	(171,718,879)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Kumpulan Wang Pembangunan		159,945,100	102,630,000
Kumpulan Wang Amanah		516,335	568,605
Terimaan Pembiayaan Pinjaman Berjangka		176,015,000	45,000,000
Pembayaran Pinjaman Berjangka		(38,494,726)	(22,487,500)
Pinjaman Kepada Kakitangan		929,732	1,235,964
Kos Kewangan Dibayar		(13,282,932)	(6,939,210)
TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN		285,628,509	120,007,859
Pertambahan Bersih Tunai		115,424,538	(18,103,263)
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		185,717,259	203,820,522
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		301,141,797	185,717,259

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

1. MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah ditubuhkan pada 1 Mac 1996 di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 (Akta 533).

LHDNM bertindak sebagai ejen kepada Kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, cukai aktiviti perniagaan luar pesisir Labuan, duti setem, duti harta pesaka dan cukai-cukai lain.

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA

2.1. Asas Perakaunan

Penyata Kewangan LHDNM telah disediakan mengikut:

- 2.1.1. Kelaziman kos sejarah; dan
- 2.1.2. Piawaian Perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) iaitu *Private Entity Reporting Standards* (PERS).

Penyediaan Penyata Kewangan yang mematuhi *Private Entity Reporting Standards* (PERS) memerlukan perubahan polisi perakaunan berdasarkan piawaian perakaunan yang baru. Kesan piawaian perakaunan baru ke atas polisi perakaunan sedia ada di Penyata Kewangan LHDNM seperti dinyatakan di Nota 23.

2.2. Hartanah, Loji dan Peralatan Serta Susutnilai

- 2.2.1. Mulai tahun 2003, Hartanah, Loji dan Peralatan yang diperolehi melalui Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Amanah telah ditunjukkan secara berasingan.
- 2.2.2. Hartanah, Loji dan Peralatan dengan kos pembeliannya tidak kurang daripada RM1,000 seunit akan dipermodalkan. Walau bagaimanapun permaidani, langsir dan seumpamanya yang diperolehi tanpa mengira kos tidak akan dipermodalkan.
- 2.2.3. Hartanah, Loji dan Peralatan diakaunkan pada kos selepas ditolak susutnilai terkumpul dan rosotnilai terkumpul. Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang diagihkan terus semasa perolehan aset tersebut.

Semua pembaikan dan penyelenggaraan dicaj di Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan ianya berlaku.

Tanah Milik Bebas dan Kerja Dalam Kemajuan tidak disusutnilaikan. Semua Hartanah, Loji dan Peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan pada kadar berikut:

Tanah - Sewa pajak	Berdasarkan tempoh sewa pajak
Bangunan	2%
Alat Kelengkapan Pejabat	20%
Kenderaan	20%
Komputer	33.33%

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

2. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.2. Hartanah, Loji dan Peralatan Serta Susutnilai (Sambungan)

2.2.4. Nilai baki bersih dan usia penggunaan aset disemak dan diselaraskan jika bersesuaian pada setiap tarikh Lembaran Imbangan. Pada setiap tarikh Lembaran Imbangan, aset perlu dinilai sama ada terdapat petunjuk rosotnilai. Selain dari itu, penilaian semula ke atas hartanah yang terdiri daripada Tanah dan Bangunan juga dibuat setiap lima (5) tahun bagi menilai jika terdapat petunjuk rosotnilai. Jika terdapat petunjuk rosotnilai, analisa perlu dilakukan bagi menilai sama ada nilai dibawa aset boleh diperolehi semula dengan sepenuhnya. Rosotnilai akan diperuntukkan jika nilai dibawa melebihi nilai diperolehi seperti dinyatakan di Nota 2.3.

2.2.5. Kadar susutnilai bagi pembelian bangunan siap di mana kos tanah dan kos bangunan tidak dapat dikenalpasti semasa perolehan dibuat akan mengikut kadar susutnilai bangunan iaitu 2%.

2.3. Rosotnilai Aset

Aset yang tertakluk kepada pelunasan akan disemak untuk rosotnilai apabila peristiwa atau berlaku perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan tidak akan diperolehi.

Rosotnilai diiktiraf apabila nilai dibawa aset melebihi nilai diperolehi. Nilai diperolehi adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset ditolak kos jualan atau nilai diguna.

